


**Jilid I
Bil. 16**



**Hari Rabu
1hb November, 1978**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1381]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 [Ruangan 1403]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1979 [Ruangan 1403]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL**, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN**, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON**, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM**, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH**, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI**, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE**, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF**, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI**, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD**, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM**, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

„ Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS**, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD**, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUE RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasar Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).

- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K.,
P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N.
(Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MOY (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI,
P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 1hb November, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

TARIKH PUASA DAN HARI RAYA

1. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Perdana Menteri menyatakan mengapa tarikh menentukan mula berpuasa dan Hari Raya di negara kita berbeza dengan negara-negara tetangga kita dan samada Kerajaan bercadang menetapkan tarikh berpuasa dan berhari raya ini supaya sama dengan negara-negara ASEAN yang lain sesuai dengan ajaran Islam bahawa Islam itu bersaudara.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan bahawa soalan ini sama maksudnya dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Parit, yang telah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jawab pada hari Isnin 16hb Oktober yang lalu. Saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berikan itu.

Cuma sedikit sahaja saya hendak menjelaskan iaitu di dalam satu riwayat bahawa pernah berlaku perselisihan tarikh mulai puasa dan Hari Raya di antara Madinah dan Sham masa Rasullullah dahulu.

Mengenai ketetapan mengikut hisab, ada ulama-ulama falak yang telah mengharuskan menggunakan hisab oleh kerana ada lebih pada sembilan ayat di dalam Al-Quran yang menyatakan natural phenomenon yang harus

dipergunakan sebagai hisab dalam menentukan masa berpuasa dan berhari raya. Berdasarkan kepada dua di antara ayat-ayat itu, iaitu maksudnya semua planet-planet yang ada dalam space ini berpusing di dalam falaknya: kulleum fi falakin yasbahun. Dan lagi ada satu ayat yang menerangkan tiada satu perubahan di dalam kejadian Allah: Latabdi Lili Khallaillah. Dalam Bahasa Inggerisnya: There is no alteration in the creation of God.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan Yang Berhormat Menteri kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Parit itu menyatakan persamaan dengan pertanyaan saya. Tetapi pertanyaan saya adakah negara kita berbeza dengan negara tetangga kita dan samada Kerajaan bercadang menetapkan tarikh berpuasa dan berhari raya ini supaya sama dengan negara-negara ASEAN yang lain.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, Pusat Islam sedang berusaha mencari jalan bahawa kemungkinan kita akan menyelaraskan tarikh berpuasa dan berhari raya di seluruh negara kita dan dalam negara-negara ASEAN.

THAIPUSAM HARI CUTI AM

2. Tuan V. David minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menimbang mengisytiharkan Thaipusam sebagai hari cuti am untuk membolehkan penduduk di seluruh negara merayakannya memandangkan ada negeri di Malaysia yang telah merayakan hari tersebut sebagai cuti am.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sangatlah memahami dan bersimpati penuh dengan

perasaan rakyat Malaysia yang beragama Hindu dalam soal mengistiharkan hari Thaipusam sebagai Hari Cuti Am Persekutuan. Kerajaan telah menimbang soal ini dengan penuh teliti dan dari segala segi. Kerajaan telah juga mengambil perhatian bahawa pada masa sekarang sebanyak 12 hari telah diisytiharkan sebagai Hari Cuti Am Persekutuan yang meliputi hari-hari perayaan keagamaan termasuk hari Deepavali iaitu hari perayaan ugama Hindu. Di samping itu tiap-tiap negeri dalam Malaysia telah pula menetapkan pada purata 4 hari sebagai hari cuti am negeri. Ini bermakna bahawa tiap-tiap negeri mendapat purata sejumlah 16 hari dalam setahun sebagai cuti am. Negara kita adalah sebuah negara yang sedang pesat membangun, maka adalah difikirkan jumlah hari cuti am kita yang ada sekarang ini iaitu sebanyak 16 hari pada purata adalah mencukupi malah adalah banyak jika dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Singapura 11 hari, Thailand 9 hari dan Indonesia 11 hari.

Penambahan hari cuti am akan mengurangkan hari kerja baik di sektor awam mahupun disektor swasta dan ini akan menjejaskan ekonomi serta pembangunan negara.

Penambahan hari cuti am akan menambahkan kos pentadbiran Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah menghormati serta memahami perasaan rakyat Malaysia yang beragama Hindu dalam perkara perayaan hari Thaipusam ini tetapi oleh kerana sebab-sebab yang telah saya terangkan tadi Kerajaan dengan dukacitanya tidak dapat mempersetujui cadangan supaya hari Thaipusam diistiharkan sebagai hari cuti am. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah tertentu supaya semua pegawai dan kakitangan Kerajaan yang beragama Hindu akan dibolehkan mengambil cuti rehat untuk menyambut hari Thaipusam itu.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini, bagaimanakah ugama-ugama lain ada diberi dua hari dalam setahun tetapi ugama Hindu satu hari sahaja. Bolehkah Yang Berhormat memberi jaminan supaya ditambah satu hari lagi untuk tahun-tahun akan datang.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, inipun sudah ada menjadi satu soalan yang akan datang di dalam Dewan ini.

PEJABAT R.I.M.V. KELANTAN

3. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pengangkutan menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa pejabat R.I.M.V. Kelantan berlaku kecil dan perlu diperbaiki dan diperbesarkan sesuai dengan peredaran masa sekarang. Jika tidak, mengapa.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Kerja-kerja memperbaiki dan memperbesarkan pejabat sekarang sedang dijalankan dan dijangka siap pada penghujung tahun ini. Untuk makluman Yang Berhormat di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga, satu peruntukan telah diluluskan untuk memperolehi sebidang tanah yang mencukupi untuk membina pejabat yang baru.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Au How Cheong.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Au How Cheong tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Oo Gin Sun.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Oo Gin Sun tidak hadir).

TALIPINGGANG KESELAMATAN

6. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) samada Kerajaan akan mengecualikan keperluan menggunakan talipinggang keselamatan kepada pemandu teksi dalam bandar;
- (b) apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi menentukan iaitu apabila undang-undang talipinggang keselamatan dikuatkuasakan, ia tidak akan menyusahkan pengguna-pengguna alat itu di negara ini; dan

- (c) mungkinkah Kerajaan akan menimbangkan untuk menjadikan talipinggang keselamatan sebagai barang kawalan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Kerajaan tidak akan mengecualikan pemasangan talipinggang keselamatan kepada teksi. Perkara penggunaannya akan ditimbangkan apabila sampai masa pelaksanaan pemakaian talipinggang keledar nanti, jika Kerajaan memikir perlu.
- (b) Sebelum pengumuman dibuat mengenai pelaksanaan undang-undang talipinggang keledar, Kerajaan sememangnya telah mengambil langkah-langkah yang tertentu bagi menentukan supaya undang-undang tersebut dapat dilaksanakan dengan licin dan sempurna dan tidak akan menyusahkan pengguna jalanraya. Perbincangan-perbincangan telah diadakan di antara Kementerian Jabatan Kerajaan yang terlibat seperti Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Polis, SIRIM, Jabatan Peguam Negara dan lain-lain serta dengan pihak-pihak yang berkaitan seperti syarikat-syarikat pemasangan kereta, pengeluar-pengeluar talipinggang keledar dan Persatuan Otomobil Malaysia.

Undang-undang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan ia juga menjadi satu langkah bagi menyenangkan orang ramai untuk memberi mereka masa yang cukup bagi memahami faedah penggunaan talipinggang keledar ini dan juga memberi peluang kepada mereka supaya menyesuaikan diri dengan memakai talipinggang keledar sewaktu memandu dan menumpang kereta sebelum undang-undang itu dilaksanakan.

- (c) Buat masa ini Kerajaan tidak akan menjadikan talipinggang keledar sebagai barang kawalan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada berkata bahawa pemandu-pemandu teksi tidak akan dikecualikan dari menggunakan talipinggang keledar. Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri

samada beliau ada menerima sepucuk surat daripada Kesatuan Teksi-teksi Bandaraya Kuala Lumpur yang merayu kepada Kerajaan supaya mereka dikecualikan dari menggunakan talipinggang oleh kerana salah satu sebab ialah kerana teksi-teksi ini hanya digunakan dalam bandar sahaja dan mereka tidak boleh berjalan dengan laju. Oleh yang demikian, samada Kerajaan akan memberi pertimbangan kepada rayuan yang telah disampaikan oleh Kesatuan Teksi itu.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya sudahpun menjawab pada Ahli Yang Berhormat. Perkaranya ada dua, pertama memasang talipinggang keselamatan dan yang kedua, perkara penggunaannya. Dan saya ada menerima aduan daripada taxi operators. Saya telah katakan yang Kerajaan tidak akan mengecualikan pemasangan oleh sebab kereta-kereta teksi ini apabila tidak dipakai dalam bandar-bandar mungkin boleh digunakan sendiri dan keluarganya untuk pergi jauh dan ke lain-lain tempat. Kerajaan tidak mengecualikan pemasangan; jadi semua kereta ataupun teksi mesti mengadakan talipinggang keselamatan ini. Saya ada berkata tadi bahawa perkara penggunaannya akan ditimbangkan nanti.

SEKOLAH-SEKOLAH/KOLEJ/ PUSAT LATIHAN

7. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan sekolah-sekolah rendah dan menengah serta pusat-pusat latihan dan kolej-kolej yang ada di Malaysia mengikut Negeri, dan berapa buah sekolah-sekolah rendah, menengah, kolej dan pusat latihan akan didirikan di Negeri-negeri dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Speaker, bilangan sekolah-sekolah rendah, sekolah-sekolah menengah, pusat-pusat latihan dan kolej-kolej yang ada di Malaysia pada hari ini mengikut negeri adalah seperti di Lampiran A yang akan saya sampaikan kepada Yang Berhormat untuk menjimatkan masa Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Itu yang sebaiknya.

Dato' Chan Siang Sun: Untuk tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian saya akan membina sekolah rendah sejumlah 1,427 mengikut pembahagian berikut:

(a) Sekolah Baru ...	241 projek
(b) Sekolah Tambahan ...	604 projek
(c) Sekolah Gantian ...	582 projek

Untuk sekolah menengah pula sejumlah 517 buah sekolah akan didirikan dan pembahagian adalah seperti berikut:

(a) Sekolah Baru ...	214 projek
(b) Sekolah Tambahan ...	298 projek
(c) Sekolah Gantian ...	5 projek

Bagi Maktab Perguruan pula dalam Rancangan Malaysia Ketiga, 7 buah Maktab Perguruan telah dirancang dibina seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Maktab</i>
Kedah	1 (menggantikan sebuah maktab sementara)
Perak	1 (menggantikan sebuah maktab sementara)
Trengganu	1 (sedang dibina)
Pahang	1 (menggantikan sebuah maktab sementara)
Johor	1 (menggantikan sebuah maktab yang sedia ada)
Sabah	1 (akan dibina)
Sarawak	1 (sedang dibina)
Jumlah ...	7

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini di antara sekolah-sekolah rendah yang akan dibina di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini berapakah bilangan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan aliran China dan Sekolah Kebangsaan akan dibina?

Dato' Chan Siang Sun: Soalan ini saya telah jawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Kluang pada 25hb Oktober, 1978.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Walaupun soalan ini telah di jawab tetapi angka-angka dan bilangan-bilangan tidak dijelaskan kerana bila kita tanya berapa buah

sekolah rendah akan dibina, jawapannya ialah termasuk kantin diperbaiki dan juga tandas-tandas dan bilik-bilik digantikan, tetapi tidak menyatakan dengan jelasnya berapa buah sekolah rendah yang baru akan dibina, bukan diganti atau direpair.

Dato' Chan Siang Sun: Kalau tidak silap saya, saya telah jawab dalam soalan tambahan hari itu, iaitu oleh kerana permohonan-permohonan daripada kawasan masing-masing tidak ada bahagian yang besar untuk membina sekolah-sekolah baru. Oleh sebab itu kita cuma berikan bilik-bilik darjah tambahan untuk perkembangan sekolah masing-masing. Ini sebabnya.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Dewan perlu berhak untuk mengetahui berapa buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan aliran China telah dibina dalam tahun 1970 hingga 1975 dan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Kita mahu satu angka jelas dan nyata.

Tuan Yang di-Pertua: Itu style Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab macam itu. Sila kalau ada hendak tambah lagi jawapan?

Dato' Chan Siang Sun: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Stephen R. Evans. Tidak hadir.

(Soalan No. 8 Y.B. Datuk Stephen R. Evans tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Stephen R. Evans. Tidak hadir.

(Soalan No. 9 Y.B. Datuk Stephen R. Evans tidak hadir).

TANAH LOMBONG SEBAGAI TAPAK PERUMAHAN

10. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) samada menjadi dasar Kerajaan menukar tanah-tanah lombong yang telah selesai di lombong menjadi tanah perumahan, walaupun tempoh pajakan tanah itu sebagai tanah lombong belum luput;

- (b) adakah juga menjadi dasar Kerajaan untuk memberikan tanah-tanah lombong yang demikian itu kepada pelombong-pelombong untuk diusahakan sebagai tanah perumahan, dan jika benar, nyatakan berapa luas tanah yang terlibat itu setakat ini; dan
- (c) adakah Kerajaan akan memberhentikan amalan ini dan menarik balik bekas tanah-tanah lombong itu sebagai hak milik Kerajaan untuk projek pembangunan dikhaskan kepada Bumiputra.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah:

- (a) Kerajaan-kerajaan Negeri adalah berkuasa penuh untuk menentukan kegunaan bekas tanah-tanah lombong sebagai tapak perumahan. Walau bagaimanapun penukaran tanah-tanah lombong yang telah selesai dilombong menjadi tanah perumahan sebelum tempoh pajakannya luput bukanlah merupakan perkara dasar tetapi adalah urusan pentadbiran. Penggunaan tanah-tanah lombong sebagai tapak perumahan hanya dibenarkan setelah pengkajian yang teliti dilakukan mengenai kesesuaian tanah-tanah tersebut sebagai tapak perumahan.
- (b) Bukanlah menjadi dasar Kerajaan-kerajaan Negeri menentukan supaya tanah-tanah lombong yang diberikan kepada pelombong-pelombong untuk diusahakan sebagai tanah perumahan. Apabila tanah-tanah lombong yang sudah dilombong walaupun belum selesai tempoh perlombongannya dibenarkan oleh Kerajaan Negeri untuk maksud perumahan. Tanah-tanah tersebut dikeluarkan kepada pemohon yang difikirkan paling sesuai untuk menjayakannya sebagai tapak perumahan. Izin untuk usaha perlombongan dan usaha perumahan adalah berasingan dan usaha bagi perlombongan tidak termasuk perumahan dan sebaliknya. Di Perak 726 ekar tanah lombong yang telah diserahkan balik oleh pelombong dikeluarkan kepada pemaju bumiputra dan bukan bumiputra untuk projek perumahan.

- (c) Sebagaimana yang telah dimaklumkan, Kerajaan-kerajaan Negeri adalah berkuasa penuh di dalam menentukan jenis penggunaan tanah-tanah termasuk juga tanah-tanah lombong. Kerajaan tidak menetapkan bahawa tanah lombong yang telah selesai dilombong terus dijadikan tanah perumahan dan diberikan langsung kepada pelombong-pelombong untuk dimajukan. Tanah-tanah pajakan lombong yang telah selesai dilombong dan telah luput tempoh pajakannya adalah menjadi tanah Kerajaan. Kerajaan Negeri mempunyai kuasa untuk menentukan kegunaan seterusnya tanah-tanah tersebut.

Pendapat Yang Berhormat supaya keutamaan diberi kepada pemaju perumahan bumiputra adalah juga dalam batasan kuasa Kerajaan Negeri.

PERCERAIAN ORANG-ORANG ISLAM

11. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Undang-undang menyatakan adakah beliau sedar dalam kes perceraian orang-orang Islam pihak lelaki sahaja yang telah dihukum manakala pihak perempuan diberi bantuan/perlindungan oleh pihak Biro Bantuan Guaman. Setakat yang saya tahu kesalahan ini bukan sahaja terletak pada kaum lelaki semata-mata, pihak kaum perempuan juga bersalah dalam hal ini. Apakah tindakan Jabatan yang berkenaan dalam hal ini dan pihak lelaki juga patut menerima dan mendapat perlindungan dari pihak Biro Bantuan Guaman.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa dalam kes-kes perceraian orang-orang Islam pihak lelaki sahaja yang telah dihukum. Tiap-tiap satu kes adalah dipertimbang dan diputuskan mengikut hal keadaan masing-masing dengan berpandukan kepada undang-undang yang berkenaan untuk mencapai sesuatu keputusan atau hukuman yang adil. Jika keadilan bagi sesuatu kes itu memerlukan sesuatu keputusan yang menyebelahi pihak perempuan, maka mahkamah membuat keputusan sewajarnya. Begitulah juga halnya bagi pihak lelaki.

Adalah juga tidak benar bahawa Biro Bantuan Guaman memberi bantuan atau perlindungan kepada kaum perempuan sahaja. Bantuan adalah diberi kepada sesiapa jua yang layak menerima bantuan tanpa mengira lelaki atau perempuan. Malahan jika kedua-dua pihak datang memohon bantuan dari Biro itu dan kedua-duanya adalah layak menerima bantuan, maka pihak Biro akan mewakili seorang daripadanya dan seorang lagi itu akan diberi seorang peguam swasta oleh pihak Biro. Segala perbelanjaan peguam swasta itu ditanggung oleh Biro.

Saya sedar bahawa Biro Bantuan Guaman lebih banyak mewakili kaum perempuan dari kaum lelaki. Tetapi keadaan ini timbul oleh kerana dalam kes-kes perceraian yang ramai datang untuk mendapat bantuan dari Biro ialah kaum perempuan. Mereka memohon pertolongan untuk mendapat perintah nafkah, harta sepencarian dan lain-lainnya.

Tuan Shaari bin Jusoh: Apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi, saya ingin mendapat tahu apakah syarat-syarat yang membolehkan seorang lelaki itu mendapat bantuan guaman daripada Kementerian yang berkenaan?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat berkehendakkan kepada syarat-syarat, kenalah Yang Berhormat mengemukakan soalan lain, kerana ada satu jadual yang menyatakan secara perincian syarat-syarat yang dikehendaki itu.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, apakah syarat-syarat bagi pendapatan seorang lelaki, misalnya berapakah pendapatan yang ia boleh dapat bantuan guaman ataupun siapa sahaja boleh mendapat bantuan?

Tuan Yang di-Pertua: Syarat-syarat itu ada, Yang Berhormat Menteri berkehendakkan notis.

ELAUN PERIBADI PEMBAYAR CUKAI

12. Tuan Lee Kaw minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan menimbang untuk memberi Elaun Peribadi (termasuk untuk isteri dan anak-anak yang cukup untuk saraan hidup sekurang-kurangnya untuk:

- (a) melepaskan lebih ramai orang lagi dari lingkungan cukai dan seterusnya mengurangkan kos kutipan;

- (b) mengurangkan orang ramai dari keperluan bantuan Agensi Kerajaan dan lain-lain yang boleh mengurangkan rasa bergantung ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan:

- (a) seperti yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan 1977 dan 1978, Kerajaan telahpun memberi pelepasan cukai persendirian dan juga kepada isteri bersamaan sebanyak \$1,500. Pemberian pelepasan cukai ini diberi dalam bentuk rebate sebanyak \$60 kepada pembayar cukai dan \$30 kepada isteri. Ini adalah oleh kerana cara ini difikirkan lebih saksama daripada pemberian pelepasan disebabkan pemberian pelepasan adalah lebih menguntungkan golongan yang berpendapatan tinggi. Ahli Yang Berhormat perlu faham bahawa kos kutipan tidak semestinya bergantung kepada jumlah elaun peribadi yang dibenarkan kepada pembayar cukai.

- (b) Perlulah disedari bahawa ini adalah sebagai bantuan kepada pembayar cukai dan tidak bertujuan untuk membantu orang lain. Tetapi Kerajaan memberi bantuan kepada semua rakyat, terutama kepada mereka yang berpendapatan rendah melalui berbagai-bagai rancangan subsidi dan sebagainya untuk meningkatkan lagi pendapatan mereka. Hanya mereka yang malang, yang cacat dan yang tidak bernasib baik mendapat bantuan daripada Kerajaan.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan mesti sedar ramai orang yang tidak tahu mengisi Borang Cukai Pendapatan (Income Tax Form). Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan lepas orang-orang yang berpendapatan kurang dari \$6,000 itu daripada menghantar borang itu ke pejabat Income Tax

Tuan Yang di-Pertua: Lepas apa ini?

Tuan Lee Kaw: Tak payah hantar borang itu

Tuan Yang di-Pertua: Oh, tidak payah!

Tuan Lee Kaw: Oleh sebab ramai orang yang tidak tahu mengisi borang itu dan mereka ini orang miskin kena cari akauntan, kena bayar antara \$50-\$100. Jikalau kita kira keadaan ini mereka yang mendapat kurang daripada \$6,000 setahun tidak payah bayar income-tax. Oleh sebab itu bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan lepaskan orang ini daripada menghantarkan borang itu?

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya soalan ini soalan lain, tetapi walau bagaimanapun Kementerian saya sentiasa mengkaji borang-borang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari semasa ke semasa dan kalau difikir perlu, cadangan itu boleh ditimbang.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri akan sedar bahawa pelepasan cukai individu dan isteri untuk tahun hadapan atau tahun-tahun yang lepas tidak ada perubahan, maka adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan akan mencadangkan bahawa pelepasan cukai individu dan untuk isterinya untuk Belanjawan tahun 1980 akan dinaikkan dari \$2,000 kepada \$4,000 untuk individu dan kepada isteri dari \$1,000 kepada \$2,000 sebagai langkah yang berkesan untuk memberikan satu pelepasan yang bermakna kepada golongan yang bergaji rendah.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat sabar, tunggulah ucapan Belanjawan tahun 1980.

KUIL HINDU DI KERLING

13. Tuan V. David (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) memberi fakta-fakta sebenarnya yang berlaku berkaitan dengan suatu insiden baru-baru ini di Kerling di mana empat orang telah terbunuh akibat satu tindakan yang berlaku berkenaan dengan pemusnahan patung-patung berhala di sebuah kuil Hindu di Kerling;
- (b) adakah sesiapa yang telah didakwa di dalam mahkamah berkait dengan insiden tersebut; dan

(c) apakah langkah-langkah yang Kerajaan sedang ambil untuk mencegah berlakunya insiden-insiden seperti itu berulang di kuil Hindu di Kerling itu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum,

- (a) Perkara ini sedang di dalam tindakan mahkamah dan tidaklah dapat saya memberi apa-apa butir-butir berhubung dengan perkara ini.
- (b) Sememangnya ada dan mereka telah pun dihadapkan ke Mahkamah pada 28hb Ogos, 1978 yang lalu.
- (c) Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah juga menerangkan perkara ini dalam Dewan ini pada 18hb Oktober yang lalu dan dengan itu tidak payah saya ulangkan lagi.

PENGHARAMAN RAPAT UMUM

14. Tuan V. David (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) samada pengharaman rapat-rapat umum dalam pilihanraya umum baru-baru ini bertentangan dengan unsur-unsur asas demokrasi, jika ya, apakah sebabnya pengharaman itu dibuat dan bolehkah Kerajaan membenarkan rapat-rapat umum diadakan sekarang oleh kerana asas demokrasi menghendakkan rapat-rapat umum secara aman tanpa menggunakan senjata dan
- (b) samada pengharaman rapat umum dalam pilihanraya umum yang lalu telah memberi satu gambaran buruk bagi Malaysia dan sistem demokrasi di Malaysia di kalangan negara-negara dunia yang mengamalkan sistem demokrasi tulin.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tindakan pengharaman bagi rapat-rapat umum dalam kempen pilihanraya umum baru-baru ini adalah diambil atas pertimbangan keadaan keselamatan negara dan ketenteraman awam yang mungkin tergugat jika

rapat-rapat umum diizinkan. Walau bagaimanapun ceramah-ceramah di dalam bangunan, kempen dari rumah ke rumah serta juga pemasangan sepanduk-sepanduk dan poster-poster telahpun dibenarkan. Pertimbangan untuk mengadakan rapat-rapat umum pilihanraya dari semasa ke semasa akan dibuat sesuai dengan keadaan masa dan juga tempat.

- (b) Tidak, malahan pilihanraya tersebut telah berjalan mengikut lunas-lunas demokrasi dengan aman, adil dan tanpa sebarang kejadian yang tidak diinginkan.

Tuan V. David: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan faham ada juga sekolah-sekolah di seluruh tanahair kita Barisan Nasional mengadakan ceramah dalam bangunan sekolah tersebut, tetapi parti Pembangkang tidak dapat bangunan sekolah bila memohon sebab dikatakan parti politik tidak boleh menggunakan bangunan sekolah. Saya boleh beri satu contoh nama sekolah yang digunakan iaitu Sekolah Menengah Rendah Tamil di Jalan Brickfields dan satu lagi saya boleh beri, Barisan Nasional ada juga menggunakan pondok-pondok Rukun Tetangga iaitu di Jalan Abdul Samad, Brickfields iaitu mengadakan mesyuarat dalam bangunan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Pakai bangunan sekolah dan bangunan-bangunan lain ini untuk rapat umumkah atau apa?

Tuan V. David: Mengadakan mesyuarat dengan pengundi-pengundi yang duduk di tempat itu ada juga.

Tuan Yang di-Pertua: Rapat umumkah atau ceramah?

Tuan V. David: Ceramah ada, rapat umum pun ada.

Tuan Yang di-Pertua: Rapat umum ada?

Tuan V. David: Bukan rapat umum—dalam bangunan.

Tuan Yang di-Pertua: Cakaplah terang-terang. Ini soal lain. Pinjaman sekolah ini soal lain. Ini hal rapat umum.

Tuan V. David: Bukan, ceramah pun ada juga. Bolehkah....

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, duduklah! Sudah cukup.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah asas-asas dan hujah-hujah yang menunjukkan bahawa di dalam pilihanraya umum yang lalu jika dibenarkan rapat umum akan menimbulkan kekacauan atau akan mengancam keselamatan negara di waktu itu?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah terangkan tadi bahawa pertimbangan bagi mengadakan rapat umum itu adalah ditafsirkan di atas keadaan keselamatan dan ketenteraman negara dan saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kenyataan-kenyataan telahpun dibuat oleh pihak pegawai-pegawai yang tertentu berhubung dengan keadaan keselamatan boleh menjadi terancam jika sekiranya tindakan tidak diambil untuk mencegah daripada berlakunya kehendak-kehendak tersebut, iaitu risikan-risikan daripada sumber-sumber yang tertentu telah didapati dan dicurigai bahawa Parti Kominis Malaya ataupun Pertubuhan-pertubuhan Bawah Tanah telah merancang bagi mencetuskan huru-hara dan kejadian-kejadian ganas di seluruh negara pada merayakan ulang tahun ke 30 apa yang dinamakan atau digelarakan Peperangan Pembebasan Nasional Anti British dan juga pada masa itu adalah berdekatan dengan hari perayaan ulang tahun ke 10 Perjuangan Bersenjata di Semenanjung oleh parti Kominis Malaya dan ulang tahun itu sebagaimana telah dinyatakan jatuh pada 20hb Jun dan juga pengalaman yang sudah-sudah menunjukkan bahawa ianya adalah disambut dalam jangka masa mulai daripada awal Jun hingga selanjutnya.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri menyedari bahawa pilihanraya umum tahun 1974 juga diadakan pada bulan Ogos dan juga dalam tempoh konfrantasi Malaysia juga diizinkan untuk mengadakan rapat umum, maka apakah sebabnya rapat umum untuk

pilihanraya tahun 1978 diharamkan sungguh-pun Yang Berhormat Timbalan Menteri sebelum pilihanraya juga ada menegaskan bahawa suasana politik dan keselamatan Malaysia adalah terkawal, juga di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam merasmikan persidangan Dewan ini juga menegaskan bahawa suasana keselamatan Malaysia adalah terkawal, tetapi apa sebabnya hingga hari ini rapat umum masih diharamkan?

Tuan Yang di-Pertua: Sebab-sebab sudah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, baru sekejap inipun beri sebab lagi, jadi tidak payah diulang-ulang.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Menglembu menegaskan bahawa asas demokrasi menghendakkan rapat-rapat umum secara aman tanpa menggunakan senjata. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menegaskan di sini bahawa tidak ada penggunaan senjata untuk mengarahkan rakyat mengundi mana-mana parti dalam pilihanraya yang lalu, dan dapatkah Timbalan Menteri memberitahu bahawa pilihanraya yang berjalan telah menyekat golongan pelampau dan chauvinis untuk menggalakan atau merosakkan pilihanraya dan sistem demokrasi di negara kita.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya alah bahawa tidak ada bukti dan kenyataan yang

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya, ia atau tidak—itu sahaja.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itu sahajalah yang beliau hendak.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana peristiharan darurat negara kita masih berjalan dan belum lagi dibatalkan, apakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri

mahu mengisytiharkan pengharaman rapat umum ini diteruskan sehingga beberapa lama sekali pun, yang ianya tidak akan dibatalkan.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab tadi, ini menurut pertimbangan keadaan masa dan juga tempat.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dijawab, baiklah.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jika sebenarnya apa yang diterangkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan itu di dalam jangka masa yang disebutkan itu adalah satu keadaan yang serious, mengapa hanya rapat umum sahaja diharamkan sedangkan kalau kita lihat apa yang digambarkan itu menghendaki bahawa seluruh pilihanraya itu mesti ditangguhkan. Mengapa hanya rapat umum sahaja yang diharamkan, padahal sebagaimana yang belaku terutama dalam ceramah-ceramah daripada Barisan Nasional sendiri bahawa polis tidaklah memberi perhatian yang serius kepada ceramah-ceramah yang merupakan

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa? Jangan melarat-larat panjang sangat, nanti Yang Berhormat Menteri pun tak tahu yang mana satu hendak dijawab.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Mengapa rapat umum diharamkan. Mengapa tidak dikawal pada ceramah-ceramah yang juga merupakan sebagai satu rapat umum kalau dilihat dari segi keadaannya yang sebenar.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa semua perjumpaan-perjumpaan dan perhimpunan-perhimpunan adalah sentiasa dikawal oleh pihak pasukan keselamatan.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar iaitu pelabur-pelabur asing, kalau mereka nampak negara kita tidak ada betul-betul mengamalkan demokrasi di mana kita haramkan public rallies dan demokrasi dihadkan. Dengan ini

barangkali mereka tidak berapa bersetuju akan melabur di sini, jadi bolehkah Kerajaan membatalkan atau mengharamkan public rallies sekarang ini?

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, ingin saya terangkan di sini iaitu perkara ini mengenai pilihanraya umum pada masa pilihanraya.

Dr Chen Man Hin: Tetapi masa sekarang

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain. Tidak ada soalan lagi?

Dr Chen Man Hin: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, cukup.

(Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 5, 8 dan 9 adalah diberi di bawah ini.)

KAJIAN MENULIS DAN MEMBACA

4. **Tuan Au How Cheong** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan pernah membuat kajian untuk menentukan kadar kecekapan menulis dan membaca di kalangan rakyat kita. Jika ya, apakah keputusannya.

Dato' Chan Siang Sun: Data mengenai kadar kecekapan menulis dan membaca adalah berpandukan kepada banci kenalhuruf yang dijalankan oleh Kerajaan mengikut panduan yang ditetapkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Bagi banci tahun 1970 seseorang itu dianggap kenalhuruf apabila ia boleh membaca akhbar atau surat dan menulis surat dalam salah satu 4 bahasa utama (Melayu, Inggeris, China dan Tamil atau mana-mana bahasa lain).

Dari jumlah penduduk seramai 7,067,037 orang yang berumur 10 tahun dan lebih di Malaysia, 58% adalah kenalhuruf dalam tahun 1970. Kira-kira 68% didapati kenalhuruf di kawasan bandar manakala 53.9% di kawasan luarbandar. Mengkaji paras kenalhuruf dari segi bahasa telah menunjukkan yang 37% kenalhuruf dalam Bahasa Melayu manakala 17.3% kenalhuruf dalam Bahasa Inggeris.

Perbandingan bagi tahun-tahun antara banci 1957-1970 adalah berkenaan dengan Semenanjung Malaysia sahaja. Pada keseluruhannya, Semenanjung Malaysia menunjukkan yang paras kenalhuruf adalah bertambah baik sejak merdeka. Peratus penduduk berumur 10 tahun dan lebih yang kenalhuruf dalam Bahasa Malaysia bertambah dari 24.7% dalam tahun 1957 kepada 39.9% dalam tahun 1970. Pertambahan keseluruhan dalam kadar kenalhuruf ialah dari 50.8% dalam tahun 1957 kepada 60.8% dalam tahun 1970, menunjukkan pertambahan sebanyak 10%.

PERLINDUNGAN PERDAGANGAN

5. **Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan oleh kerana negara-negara yang maju pada masa sekarang ini sedang mengamalkan suatu dasar atau polisi Perlindungan Perdagangan untuk melindungi perindustrian-perindustrian mereka, samada Kerajaan kita ada menentang langkah-langkah bagi memberhentikan perlindungan perdagangan supaya ianya tiada membahayakan ekonomi negara kita.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Perlindungan Perdagangan adalah satu masalah perdagangan yang dihadapi oleh seluruh dunia termasuk negara Malaysia. Kerajaan memandang berat perkembangan ini dan telah dan akan terus mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan dan menghapus akibat buruk perlindungan perdagangan terhadap ekonomi negara. Soal perlindungan perdagangan iaitu masalah antarabangsa dan penyelesaian berkesan dapat dicapai di peringkat antarabangsa di Fora-fora perdagangan antarabangsa seperti GATT, MTN UNCTAD. Sebagai satu langkah untuk mengatasi soal perlindungan perdagangan, Malaysia sentiasa dan malah telah meningkatkan penyertaannya di dalam fora-fora ini. Disamping itu Malaysia membuat tekanan untuk mendapat penyelesaian melalui pendekatan ASEAN di dialogue-dialogue yang diadakan dengan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, EEC, Australia, New Zealand dan lain-lain. Sementara itu Malaysia dengan secara individu telah juga mengadakan dialogue rundingan dua-pihak dengan negara-negara tersebut untuk mendapatkan kelegaan pada akibat perlindungan dan perundingan ini masih berjalan.

CARUMAN KEPADA K.W.S.P.

8. Datuk Stephen Robert Evans minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang melaksanakan suatu dasar baru dengan membenarkan pekerja-pekerja mengeluarkan 50% caruman mereka daripada K.W.S.P. apabila mencapai umur 48 tahun untuk membolehkan mereka membeli tanah dan rumah.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Peraturan-peraturan Kumpulanwang Simpanan Pekerja yang ada sekarang membenarkan seseorang pencarum mengeluarkan satu pertiga ($\frac{1}{3}$) daripada kreditnya pada umur 50 tahun tanpa syarat. Tujuan utama Kumpulanwang Simpanan Pekerja (KWSP) ialah untuk memberi jaminan kewangan kepada pencarum-pencarum selepas bersara dan dengan ini pengeluaran yang lebih awal akan menjejaskan tujuan tersebut. Walau bagaimanapun, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, suatu sekim pinjaman perumahan harga rendah telah diadakan yang membolehkan semua pencarum KWSP meminjam dengan faedah yang rendah untuk membolehkan mereka membeli rumah-rumah tersebut. Sekim ini dikendalikan oleh Syarikat Perumahan Malaysia Berhad (MBSB) dengan wang yang dibekalkan oleh Kumpulanwang Simpanan Pekerja dan Bank Negara Malaysia. Syarikat itu memberi pinjaman sehingga 90% daripada harga rumah tersebut dengan kadar faedah $5\frac{1}{2}\%$ sahaja setahun dan tempoh pembayaran balik ialah selama 20 tahun. Seseorang pencarum boleh mengeluarkan daripada kreditnya di Kumpulanwang Simpanan Pekerja sebanyak 10% lagi daripada harga rumah itu. Oleh yang demikian syor yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah perlu lagi oleh kerana kemudahan-kemudahan yang sama adalah dilaksanakan oleh Kerajaan pada masa ini.

DUIT KERTAS MALAYSIA DI HOTEL-HOTEL FILIPINA

9. Datuk Stephen Robert Evans minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa Duit Kertas Malaysia tidak boleh dipertukarkan di hotel-hotel dalam Filipina tetapi Not Singapura diterima sebagai pertukaran; dan

- (b) apakah langkah-langkah segera akan dijalankan oleh Kerajaan bagi menyelesaikan masalah ini, oleh kerana kedua-dua buah negara adalah Ahli-ahli ASEAN dan mengapa Filipina mesti pilih-memilih dalam pengurusannya.

Dato' Dr Neo Yee Pan:

- (a) Jika benar adanya keengganan hotel-hotel itu menerima wang kertas Malaysia bukan bermakna adanya peraturan-peraturan yang telah dibuat oleh Kerajaan Filipina. Wang kertas Malaysia sukar dipertukar jika dibandingkan dengan wang kertas Singapura di Filipina barangkali kerana tidak banyak permintaan matawang Malaysia di Manila. Ini boleh jadi kerana perhubungan perdagangan dan pelancungan di antara Malaysia dengan Filipina pada masa ini masih kurang kalau dibandingkan perhubungan di antara Singapura dengan Filipina. Walau bagaimanapun seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan tidak menggalakkan pelancung-pelancung Malaysia membawa wang kertas Malaysia ke luar negeri. Had untuk membawa wang kertas Malaysia yang dibenarkan ialah \$1,000 tiap-tiap seorang. Tetapi ini tidak sepatutnya menyusahkan pelancung-pelancung Malaysia oleh sebab mereka dibenarkan membawa wang ke luar Malaysia melalui cek-cek pengembara yang sedia diterima di negeri-negeri lain. Cek-cek pengembara ini boleh didapati dari bank-bank dengan tidak ada hadnya.
- (b) Masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya bukanlah satu masalah. Kerajaan biasanya tidak campurtangan atas amalan perdagangan hotel-hotel dari segi bidang wang kertas yang boleh atau tidak boleh diterima oleh mereka. Tindakan yang diambil oleh hotel-hotel di Filipina terpulang kepada kehendak mereka masing-masing dan bukan bermakna ada peraturan-peraturan yang telah dikenakan oleh Kerajaan Filipina. Oleh yang demikian, soal perhubungan antara negara-negara ASEAN tidaklah timbul.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (27hb Oktober, 1978).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut dirujuk kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,861,133,382 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1979, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1979 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 tahun 1978, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (27hb Oktober, 1978).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini ialah hari yang keenam untuk membahaskan Belanjawan ini dan ada senarai 28 orang Ahli termasuk Ahli Yang Berhormat yang akan menyambung ucapannya. Saya belum bercadang hendak mengadakan masa lagi, tetapi saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menumpukan ucapannya terus kepada perkara-perkara dasar dan pentadbiran am yang tidak dibincangkan supaya terselamat juga masa itu. Seseorang itu bukanlah ditilik daripada panjangnya atau berapa lama seseorang Ahli Yang Berhormat itu bercakap, tetapi isinya juga perlu dipertimbangkan. Jadi, pada

masa Dewan ini ditangguhkan pada 27hb yang lalu, Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah bercakap dan beliau suka hendak menyambung lagi pada hari ini. Mengikut perjanjiannya ada 20 minit lagi untuk menghabiskan ucapannya.

3.17 ptg.

Tuan V. David (Damansara): Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ucapan saya pada 27hb Oktober. Bila negara menumpukan tenaganya ke arah kemerdekaan, orang ramai dari semua bangsa telah menerima hak-hak Perlembagaan dalam meluluskan kerakyatan tertakluk kepada kelayakan residensi sepuluh tahun pada mereka yang tidak memiliki satu sijil beranak yang sah. Perbekalan ini telah dipinda sehingga meniadakan kerakyatan kepada mereka yang telah tinggal di Malaysia beberapa dasawarsa (10 tahun) dan menjadikan negeri ini tempat tinggal mereka yang tetap. MIC telah meluluskan satu resolusi dalam persidangan perwakilannya yang berlangsung pada 10hb September, 1978 yang menyuarakan rasa tidak bersetujunya terhadap polisi Kerajaan berkenaan dengan kerakyatan.

Tuan Yang di-Pertua, pemohon-pemohon yang memohon kerakyatan melalui Borang "C" adalah terdiri dari mereka yang tidak memiliki sijil beranak yang sah—yang mungkin telah dilahirkan di Malaysia akan tetapi gagal mendaftarkan kelahiran mereka—dan pendaftaran beranak telah hanya dimulakan dalam tahun 1922—atau dilahirkan di luar Malaysia dan telah tinggal di Malaysia seumur hidupnya.

Tuan Yang di-Pertua, semasa pemerintahan Jepun tiada terdapat pendaftaran beranak. Permohonan melalui Borang "C" adalah diluluskan mengikut budi-bicara Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Kuasa-kuasa pemutus ini telah menyebabkan ramai yang tidak bernegeri, meskipun telah lulus ujian bahasa dan telah memenuhi semua yang diperlukan di bawah peraturan undang-undang. Lebih dari 167,000 permohonan masih lagi tertangguh untuk menunggu kelulusan dan ada di antaranya bertangguhan semenjak 1969 yang menunggu belas ikhsan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Perlaluan ini adalah satu cara penghancuran ke atas permohonan itu yang mana mereka ini bukan sahaja tidak boleh mendapatkan pekerjaan malahan anak-anak mereka tidak dapat menikmati faedah-faedah yang dinikmati oleh orang lain yang

menjadi rakyat. Kuasa-kuasa pemutus yang dianugerahkan kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri itu adalah gantian ke atas perjanjian menetap tinggal selama tahun yang menjadi syarat melayakkan diri mendapatkan kerakyatan. Saya perlu menyatakan dengan tegasnya di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kuasa-kuasa Menteri itu telah disalahgunakan. Perihal yang demikian adalah suatu bahaya untuk meletakkan kuasa-kuasa yang luas kepada seorang politikus yang meletakkan orang ramai di bawah budi bicara ikhsan seseorang individu. Sepatutnya permohonan-permohonan yang dikemukakan di bawah Borang "C" tidak mengambil masa lebih dari sebuah bulan untuk dibereskan kerana kebanyakan dari pemohon-pemohon telahpun memenuhi semua keperluan perundangan.

Sedangkan pemohon-pemohon tempatan yang dilahirkan di sini yang mempunyai siil beranak yang sah terpaksa menunggu selama dua hingga tiga tahun, apatah lagi pemohon-pemohon melalui Borang G. Tidak ada seberang sebab mengapa harus berlaku kelewatan ini kerana sesuatu permohonan sepatutnya tidak mengambil masa lebih dari dua minggu untuk dibereskan kerana undang-undang bersabit perkara ini adalah jelas. Kelewatan itu adalah dilakukan dengan motif yang melewatkan permohonan dari mendapatkan pekerjaan dalam sektor awam dan beliau terpaksa menunggu dengan perasaan hampa dan keciwa. Persoalan yang berada dihadapan kita ialah adakah Kerajaan benar jujur dalam meluluskan kerakyatan sebagai satu rakyat yang telah dipersetujui semasa kemerdekaan dari Inggeris dalam tahun 1957. Keadaan yang disediakan adalah berlawanan dengan semangat perjanjian yang dibuat untuk melindungi kaum yang telah membuat Malaysia tempat tinggal tetap mereka. Kerakyatan adalah hak orang ramai dan ianya bukan suatu konsesi. Perihal yang demikian ia mestilah diuruskan dalam semangat yang sedemikian itu. Sekiranya Kerajaan memberikan jawapan bahawa kelewatan itu adalah hanya merupakan urusan pentadbiran maka ianya adalah suatu akuan ketidakceapan dan penyelewengan pentadbiran. Kiranya jawapan sebaliknya, maka jelaslah Kerajaan bersungguhan untuk menidakkan hak kerakyatan kepada orang ramai yang layak menerimanya melalui kelahiran.

Tuan Yang di-Pertua, amalan bahasa yang dijalankan untuk soalan kerakyatan bukan lagi merupakan satu ujian bahasa, ia telah menjadi ujian pengetahuan am. Para pemeriksa hanya diberi kuasa untuk menentukan pengetahuan asas dalam Bahasa Malaysia dan bukan untuk menjalankan satu pemeriksaan pengetahuan am. Oleh yang demikian, definasi ujian bahasa mestilah benar-benar difahami oleh para pemeriksa itu.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang penting yang dimajukan kepada Kerajaan ialah samada Kerajaan bertujuan untuk mematuhi perakuan janji yang telah diberikan tentang kerakyatan semasa kemerdekaan atau ia telah memutuskan untuk membuat agar ramai orang tidak bernegeri walaupun mereka mempunyai setiap kelayakan untuk menjadi rakyat Malaysia yang sebenarnya. Kini perkara meluluskan kerakyatan termasuk di bawah putar belit politik. Bagaimana orang ramai dapat mempercayai sebuah Kerajaan yang telah mengkhianati dan menodai perundangan bersabit dengan kerakyatan yang mana semasa kemerdekaan ianya telah dipersetujui oleh orang ramai dari semua bangsa. Kerakyatan adalah hak kelahiran semua penduduk Malaysia dan jika seseorang itu tidak diberikan haknya atas alasan-alasan budibicara yang tidak berasas maka pembentukan selama Negara Malaysia yang bersatu padu akan terus tinggal menjadi angan-angan. Setiap orang yang telah mematuhi kelulusan residensi hendaklah berhak memperoleh kerakyatan dan jangan membiarkan Barisan Nasional mengkhianati persetujuan bersama yang tercapai sebagai satu syarat kemerdekaan. Kerajaan tidak ada seberang keperluan untuk memegang permohonan kerakyatan itu untuk bertahun-tahun lamanya walhal ia boleh dibereskan dalam tempoh dua minggu. Adakah perlakuan yang sedemikian itu dikatakan sebagai Kerajaan rakyat. Ini adalah suatu penidakan yang sengaja dilakukan ke atas hak-hak asasi orang ramai yang boleh berganding bahu dalam memperjuangkan kemerdekaan.

Dalam perutusan kepada negara selepas pilihanraya umum, Perdana Menteri menyatakan dengan tegas, izinkan saya quote, Tuan Yang di-Pertua :

Petikan:

"This country belongs to all Malaysians whatever maybe their racial origins. The future well-being of our country is the responsibility of all of us."

DAP mengalu-alukan deklarasi ini akan tetapi adakah negara bertindak dalam lingkungan konsep ini. Dewan ini menyeru suatu jawapan yang pasti dari Perdana Menteri atas dasar meluluskan kerakyatan. Ini adalah ternyata suatu issue yang penting atas masa depan negara ini dan penduduknya. Suatu kenyataan yang positif oleh Kerajaan akan dapat memberikan penjelasan pada Dewan ini terhadap motif Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak tercapai Kemerdekaan adalah diperakukan untuk menghormati semua kebudayaan, bahasa dan kepercayaan. Di sini sekali lagi terdapat percubaan untuk menidakkan kebudayaan dan bahasa dari kaum-kaum. Dengan menerima kenyataan Malaysia ialah sebuah negara berbagai bangsa dengan Bahasa Kebudayaan—adat dan resam yang berlainan dari berbagai kaum hendaklah dibenarkan untuk mengembangkan kebudayaan dan bahasa mereka sendiri tanpa menyekat-kemajuan di antara satu dengan yang lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga telah dilupakan oleh Barisan Nasional. Persembahan rancangan-rancangan Radio dan Talivisyen memerlukan penyemakan semula yang menyeluruh, disamping itu kebudayaan dan bahasa dari lain-lain kaum mestilah dicerminkan dalam programnya. Orang ramai merasakan bahawa Talivisyen dan Radio Malaysia telah menyangkal Kemerdekaan dan kebudayaan untuk memilih rancangan-rancangan berita yang bermutu. Sebab biasa yang menimbulkan komplek dari orang ramai ialah bahawa mutu dan gaya persembahan yang sedia ada tidak secukupnya dengan kemajuan tiga sudut iaitu pelajaran, penerangan dan hiburan.

Tuan Yang di-Pertua, polisi Am Kerajaan yang menguasai Mass Media dalam kebanyakan negara-negara maju seperti Malaysia ialah untuk memajukan pembangunan nasional. Dalam konteks ini pem-

angunan nasional termasuk pembangunan ekonomi, pembangunan ke arah kesedaran nasional dan kemajuan kebudayaan.

Tuan Yang di-Pertua, Tata Cara Penyiaran Kesatuan Penyiaran Asia menyatakan bahawa perkhidmatan penyiaran mestilah berkai-an dengan kehendak dan aspirasi orang ramai.

Terutama sekali terdapat satu masalah bahasa. Dasar Kerajaan ialah untuk menegas dan menumpukan perhatian ke atas penggunaan Bahasa Malaysia kerana ianya adalah Bahasa Kebangsaan yang termaktub dalam Perlembagaan Negara. Akan tetapi seperti yang diulangi di seminar Kesatuan Penyiaran Asia yang dilangsungkan di Kuala Lumpur, untuk membolehkan penyiaran berkhidmat sebagai suatu alat yang berkesan bagi pembangunan kebangsaan maka ini sepatutnya dilaksanakan dalam bahasa sehari-harian yang digunakan oleh orang ramai. Dasar penyiaran dalam negeri ini perlu membezakan di antara kenyataan dan idealisma. Persoalan yang perlu dimajukan ialah: Adakah kita berkomunikasi?

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu dasar Kerajaan yang diisytiharkan ialah untuk mewujudkan suatu kebudayaan Malaysia. Allahyarham Tun Razak semasa menjadi Perdana Menteri mengisytiharkan:

(Dengan izin)

"The culture of the natives here will form the basis of our national culture".

Dari kenyataan ini adalah jelas bahawa kebudayaan Malaysia mestilah termasuk "ciri-ciri penting kebudayaan yang terdapat di rantau ini." Oleh itu kebudayaan-kebudayaan dari kaum China dan India mestilah disatukan ke dalam kebudayaan kebangsaan. Ini adalah dasar Kerajaan yang diisytiharkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun, Talivisyen Malaysia telah tidak memperuntukkan masa dan juga perhatiannya pada dua kebudayaan ini. Program-program kebudayaan China atau India tidak lagi kelihatan di talivisyen. Perkara ini mestilah diperbaiki. Ini adalah di antara kebudayaan-kebudayaan yang akan memperkayakan kebangsaan kita dan menjadikan satu kebudayaan yang unit dan tunggal di kalangan antarabangsa.

Selain dari memperkayakan kebudayaan kebangsaan, Talivisyen Malaysia juga perlu menimbangkan kehendak dan perasaan

kurang lebih 56% yang bukan Melayu. Mereka adalah rakyat Malaysia yang telah mencurahkan jiwa dan raga serta ketaatan mereka dalam negeri ini. Mereka perlu diperakukan bahawa mereka adalah sebahagian dari pembentukan kebudayaan dan sosial negeri ini. Kiranya aspirasi-aspirasi kebudayaan mereka diketepikan, maka timbul suatu perasaan yang melukakan hati sanubari individual itu. Ini adalah seperkara yang personal dan sangat dikasihinya. Semua aspek penghidupannya adalah diresapi oleh nilai-nilai kebudayaan dan adat resam.

Tuan Yang di-Pertua, polisi-polisi Talivisyen Malaysia dalam perkara ini adalah dipersoalkan. Hanya terdapat dua sebab kerana tidak memberikan perkhidmatan program-program kebudayaan India dan China. Pertama, boleh dikatakan bahawa Talivisyen Malaysia langsung tidak mempunyai tujuan untuk memupuk kedua-dua kebudayaan ini. Alasan ini adalah tidak wajar dan tidak dapat diterima. Rekod tentang polisi Kerajaan adalah ternyata bahawa kedua-dua kebudayaan ini mesti diberi tempat. Talivisyen Malaysia tidak berjalan berlawanan dengan polisi kebangsaan. Satu lagi kemungkinan ialah kerana kesuntukan masa. Maka itu jawapan untuk mengatasinya inilah mewujudkan tambahan saluran. Dan saluran yang sedia ada boleh ditimbangkan menjadi lima saluran dengan kos yang minima.

Tuan Yang di-Pertua, pendapat-pendapat yang saya sampaikan di atas adalah "bona fide" dengan kepercayaan bahawa ianya menjadi kebaikan ke arah kemajuan negara Malaysia yang bersatu padu dengan kedudukan ekonomi dan kebudayaan yang mantap lagi kukuh untuk menghadapi sebarang cabaran terhadap perpaduannya. Dalam bentuk inilah DAP dengan ikhlas menggesa pelaksanaannya. Penurunan nilai-nilai T.V. dan Radio Malaysia telah bertambah kerana propaganda politik untuk partai pemerintah menjadi amalan sekiranya Jabatan itu perlu berjalan tanpa rasa bimbang atau pilih kasih.

Tuan Yang di-Pertua, satu watak yang baik ialah rancangan-rancangan persembahan BBC secara bebas tanpa tekanan dari Kerajaan British. Negara-negara seperti Australia, Sri Lanka dan lain-lainnya telah turut mencontohinya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat 20 minit sudah cukup.

Tuan V. David: Lagi sedikit cadangan sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Penduduk Malaysia merasakan bahawa T.V. Malaysia sepatutnya menyedari tentang kekurangan maklumat timbal balik dari berbagai pihak samada dari segi pandangan mahupun pendapat jika tidak ianya akan berjalan berat sebelah dan dengan itu membahayakan keselamatan nasional. Dalam masyarakat berbilang kaum seperti di negara kita, banyak pihak yang tidak puas hati dengan persembahan rancangan-rancangan T.V. dan Radio Malaysia dalam cara ia mempersembahkan berita, pendapat-pendapat dan rancangan-rancangan kebudayaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan cadangan!

Tuan V. David: Ini cadangan.

Peruntukan saluran-saluran (R.T.M.) yang berikut sepatutnya menjadi asas:

Bahasa Malaysia	...	dua saluran
Bahasa China	...	satu saluran
Bahasa Tamil	...	satu saluran
Bahasa Inggeris	...	satu saluran

Demikian juga dengan penggunaan-penggunaan rangkaian Radio. Semenjak Radio Malaysia lagi berbagai perkhidmatan yang dikenali sebagai bahagian Inggeris, Melayu, Tamil dan China telah dikuatkuasakan. Radio Malaysia telah ditubuhkan dalam tahun 1940 dan yang mana terbukti selari untuk menampung kepentingan berbagai bangsa telah dibubarkan dan digantikan oleh 6 yunit yang berlainan dikenali sebagai yunit Drama, Urusan Awam, Hiburan, Ugama, Pembangunan dan Persembahan pada tahun 1973. Sistem yunit ini telah menghapuskan jawatan-jawatan Ketua untuk berbagai perkhidmatan. Ketua-ketua perkhidmatan ini adalah terdiri dari mereka yang berkelulusan tinggi dan sangat mengetahui dan memahami keperluan-keperluan para pendengar dari berbilang bangsa.

Beliau yang datang dari keturunan bangsa perkhidmatan yang beliau wakili itu berupaya mengatasi masalah-masalah para pendengar dan juga dapat mengambil keputusan serta merta demi untuk kepentingan faedah para pendengarnya. Akan tetapi kini selepas

ianya digantikan oleh sistem yunit yang tidak menumpu kepada aliran yang tertentu maka ketua ini yang terdiri dari satu keturunan bangsa, yang mana secara tidak langsung ada mempunyai pengetahuan latar belakang lain-lain bangsa, tidak dapat mengetahui dan memahami keperluan-keperluan para pendengar dari lain keturunan.

Walaupun beliau mengetahui aduan-aduan komplek dari para pendengar beliau terpaksa mengambil keputusan tanpa mengetahui sebenarnya reaksi para pendengar. Sistem ini telah menimbulkan satu keadaan di mana didapati sukar atau mustahil untuk membuat sesuatu keputusan.

Penyekatan yang dikenakan ke atas akhbar dan hak-hak untuk menentang adalah berlawanan dengan objektif-objektif bagi kebebasan akhbar di dalam sebuah masyarakat yang bebas. Pada penghujung setiap tahun para penerbit di Malaysia terpaksa beratur di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menunggu pembaruan lesen-lesen mereka bagi tahun yang berikutnya. Dalam beberapa kes pihak akhbar ditahan dan menimbulkan keraguan samada akhbar mereka boleh diterbitkan pada 1hb Januari. Lesen-lesen mereka bagi tahun yang berikutnya mungkin tidak dapat diperolehi sehingga penghujung bulan Disember. Adakah ini yang dikatakan kebebasan akhbar? Kebebasan akhbar adalah merupakan sesuatu harta yang bernilai pada mana-mana negara dan ini telah dinodai dalam negara kita. Bagaimana kita hendak mengharapkan pihak akhbar memainkan peranannya bila ianya sentiasa tertekan dan diselidik. Lidah pengarangnya terpaksa menuruti polisi-polisi Kerajaan dan sebarang perlakuan yang berlawanan yang akan mengugat peluang membaharukan pencetakan. Kini terdapat terlalu banyak tanda-tanda bahaya yang mengancam sistem demokratik dan negara kita sedang dibawa ke arah pemerintahan diktator fasisma.

3.45 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, dalam mengalu-alukan ucapan Belanjawan yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan, adalah didapati bahawa Belanjawan yang dibentangkan kali ini adalah sangat sederhana dan memberansangkan.

Tentu sekali Kerajaan tidak dapat hendak memuaskan hati semua pihak, oleh kerana ia terpaksa berdasarkan beberapa faktor untuk mengimbangkan pendapatan negara secara keseluruhannya.

Dari segi perdagangan, kita berasa syukur ke hadrat Ilahi bahawa harga getah dan kelapa sawit adalah mencapai ke paras yang menggalakkan. Begitu juga dengan sumber alam, seperti minyak yang terdapat di beberapa tempat baru-baru ini di negeri Trengganu. Mudah-mudahan dengan limpah rahmatNya, ekonomi negara kita akan bertambah kukuh dan teguh. Walaupun kita tahu minyak mentah keluaran negara kita ini terdiri dari mutu yang tinggi, namun begitu kita mengharapkan bahawa dengan terjumpanya telaga-telaga minyak yang baru, maka keperluan negara kita akan sentiasa mencukupi.

Terdengar juga berita yang mengatakan bahawa negara-negara OPEC—negara-negara pengeluaran minyak berhasrat hendak menaikkan harga minyak, namun begitu kita mengharapkan harga minyak di negara kita akan sentiasa ke paras yang ada sekarang. Walaupun begitu, sekiranya harga minyak dinaikkan juga, maka kita mengharapkan bahawa subsidi untuk menstabilkan harga minyak boleh dibuat oleh Kerajaan supaya orang ramai tidak membayar dengan harga yang tinggi. Kenaikan untuk menaikkan harga minyak oleh syarikat-syarikat hendaklah diselidiki dan dikaji terlebih dahulu sama ada ianya wajar ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tambahan kepada pelepasan bagi anak-anak yang telah dinaikkan sedikit, kita bersyukur bahawa sekurang-kurangnya ada sedikit tambahan yang dibuat oleh Kerajaan, namun begitu adalah diharapkan supaya tambahan kepada pelepasan ini dapat dinaikkan lagi, sekurang-kurangnya pada tahun hadapan, memandangkan bahawa perbelanjaan untuk menyara anak-anak ke sekolah begitu tinggi sekarang jika dibandingkan beberapa tahun yang lampau.

Dalam pada itu saya juga ingin merayu kepada Kerajaan supaya personal relief bagi tenaga kerja dan juga isteri, hendaklah dinaikkan lagi memandangkan bahawa kadar perubahan ini tidak dipinda sejak 31 tahun lebih. Tentu sekali keadaan sara hidup 31 tahun dahulu, jauh berbeza dengan keadaan sara hidup sekarang. Tambahan

pula harga barang-barang keperluan telah melambung begitu tinggi. Atas hakikat ini, saya rasa adalah adil sekiranya pertimbangan dapat diberi oleh Kerajaan agar pada tahun hadapan angka \$2,000 dan \$1,000 ini dapat dinaikkan lagi. Tuan Yang di-Pertua, dalam menyentuh perkara ini juga, saya ingin menarik perhatian Kerajaan tentang bagaimana pendapatan seorang Kerani berbanding dengan seorang penjaja atau pemandu teksi, di mana pada teorinya, Kerani itu mendapati pendapatan yang lebih, tetapi tidak terkena membayar cukai. Begitu juga Business Executives boleh melepaskan cukai sedangkan kakitangan Kerajaan tidak mendapat pelepasan ini. Ini hanya sebagai satu contoh sahaja.

Tuan Yang di-Pertua peranan swasta adalah perlu dalam konteks pembangunan negara. Dengan galakan yang diberi oleh Kerajaan, kita percaya ramai lagi pelabur-pelabur tempatan akan lebih menumpukan perhatian yang pesat kepada negaranya sendiri.

Akta Galakan Pelaburan yang diheboh-hebohkan oleh pihak yang tertentu, dengan tujuan-tujuan muslihat dan kepentingan mereka, kononnya Kerajaan tidak memberi kemudahan secukupnya, adalah tidak benar sama sekali. Dakyah ini juga telah ditaburkan oleh parti-parti Pembangunan melalui saluran-saluran yang tertentu. Kita tahu apakah sebenarnya motif mereka itu. Motif mereka ialah untuk menakutkan pelabur-pelabur menanam modalnya dalam negeri ini, konon katanya tidak ada jaminan disebabkan oleh tekanan-tekanan politik.

Dalam hubungan ini, saya ingin menarik perhatian Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya memerhatikan laporan-laporan yang dihantar ke luar negeri melalui warta-warta luar (foreign correspondents) negeri yang berpusat di Kuala Lumpur. Liputan-liputan berita yang dihantar, kadang-kadang sengaja diputar-belitkan dan ini boleh menjatuhkan imej Kerajaan kita. Majalah-majalah Far Eastern Economic Review yang berpusat di Hong Kong, selalu memberi gambaran yang salah terhadap negara kita. Kita juga faham bagaimana berita-berita ini dipetik. Adalah mustahil, berita-berita itu datangnyanya dari luar negeri.

Sekiranya pihak-pihak yang berkenaan tidak memandang berat dan serius akan perkara ini, saya khuatir, ianya akan sentiasa berpanjangan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga tertarik hati dengan misyen perdagangan yang diketuai oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian ke Amerika Syarikat dan Eropah baru-baru ini, dan harapan untuk pelabur-pelabur menanam modalnya, samada secara usaha-sama dengan pihak-pihak awam ataupun dengan swasta, adalah sangat cerah dan menggalakkan. Adalah diharapkan bahawa misyen seperti ini hendaklah ada follow-up, sekurang-kurangnya Dewan-dewan Perniagaan dan Pesuruhjaya Perdagangan, boleh memainkan lagi daya-usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sebuah negara yang sedang membangun, peluang-peluang banyak terbuka. Peluang-peluang perniagaan ini hendaklah dititik-beratkan kepada orang-orang Melayu yang ingin menebus kembali zaman kegemilangannya. Kita selalu mendengar rayuan daripada Menteri-menteri untuk meminta kerjasama dari pihak-pihak saudara kita yang telah maju tetapi rayuan itu tinggal rayuan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu orang Melayu lemah dalam segala lapangan. Pengalaman, kepakaran (expertise), kewangan dan konteks perniagaan, adalah jauh kebelakang. Dalam mengejar persaingan ini adalah mustahil orang-orang Melayu boleh bersama-sama ke hadapan dengan rakan-rakan mereka. Dari itu, adalah menjadi harapan setiap orang Melayu supaya langkah-langkah yang positif dapat dibantu dan dibimbing oleh pihak Kerajaan agar mereka juga dapat mengejar perlumbaan dan persaingan ini.

Tuan Yang di-Pertua, peluang-peluang perniagaan adalah terbuka dengan luasnya. Malaysia mengamalkan sistem perdagangan bebas (free enterprise). Walaupun begitu, kita mengharapkan ramai orang Melayu yang akan menjadi usahawan. Kita juga mengharapkan ramai jutawan-jutawan Melayu berjaya dalam berbagai bidang. Peluang-peluang ini hendaklah diteruskan, malah hendaklah digiatkan lagi sehingga pencapaian matlamat 30% penyertaan orang Melayu dalam semua bidang akan tercapai.

Suara-suara sumbang yang selalu mengungkit-ungkitkan hak orang Melayu sebagaimana yang telah termaktub dalam Perlembagaan, hendaklah diketepikan. Sebaliknya, usaha-usaha yang lebih gigih hendaklah ditumpukan sepenuhnya. Kita ucapkan syabas sekiranya kegiatan ini dapat dijalankan dengan sehebat-hebatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai Syarikat Penerbangan MAS. Terbukti sekarang ini, sejak adanya penyusunan dan awasan yang rapi, maka keuntungan yang diperolehi oleh MAS sungguh menggembirakan kita. Dalam pada itu, kita hendaklah berhati-hati dalam persaingan penerbangan supaya tiap-tiap ringgit yang dibelanjakan itu, akan beroleh keuntungan dan kejayaan.

Kita ucapkan syabas kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan dan pegawai-pegawainya yang dapat membuktikan bahawa dalam perundingan penerbangan antara Malaysia dengan Singapura, mereka telah menunjukkan kebolehan mereka. Kita tidaklah harus beralah dalam pemberian penerbangan antara MAS dengan SIA. Sebaliknya, MAS hendaklah berdiri teguh akan hak pendaratan iaitu hanya Kuala Lumpur dan Pulau Pinang sahaja yang harus diberi.

Lapanganterbang Senai di Johor Bahru hendaklah dibesarkan dan dipercepatkan supaya pendaratan kapalterbang yang besar bukan sahaja Kargo, malah DC-10 dan Airbus-300 boleh mendarat di sana. Keadaan yang mendesak, kadang-kadang boleh menjadi pengajaran kepada kita, dan ini bukanlah satu perkara yang mustahil untuk dilakukan oleh Kerajaan yang mempunyai segala kemampuan dan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyentuh sedikit berkenaan dengan pengeluaran padi di seluruh negara, khususnya di negeri Kelantan. Apa yang ingin saya tekankan di sini ialah mengenai kilang-kilang padi samada kilang padi itu dikendalikan oleh Syarikat Kerjasama mahupun Koperasi Peladang di Negeri Kelantan.

Kilang-kilang padi yang dijalankan oleh dua badan ini mendapat persaingan yang hebat daripada kilang-kilang padi haram di sana. Oleh kerana itu kilang-kilang padi haram ini tumbuh macam cendawan dengan

tidak ada kawalan dan tindakan yang sewajarnya dari pihak-pihak yang berkenaan. Sekiranya kawalan yang ketat tidak ada, saya khuatir, ianya akan mengancam perjalanan kilang-kilang padi Syarikat Kerjasama mahupun Koperasi Peladang, dan yang menjadi sasarannya ialah petani-petani kita yang miskin.

Untuk mengatasi hal ini, saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan supaya tumpuan yang serius dapat diperhatikan dengan harapan memulihkan keadaan kilang-kilang padi tersebut agar petani-petani di negeri Kelantan dapat menikmati perkhidmatan yang lebih baik dan memuaskan hati bagi menggalakkan mereka menyertai pemerosesan dan pemasaran hasil pengeluaran pertanian mereka. Di samping mengujudkan persaingan yang lebih baik, Kerajaan hendaklah mengadakan kemudahan infrastruktur yang lebih baik, agar ia dapat menarik pelanggan-pelanggan di samping dapat meninggikan kemampuan pengeluaran beras yang bermutu serta membolehkan mereka menceburkan diri dalam lapangan pemasaran padi dan beras.

Sekiranya ini dapat dilakukan, saya percaya, harapan petani-petani di negeri Kelantan untuk memperbaiki kehidupan mereka akan lebih terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, terlanjur saya menyentuh atas perkara ini, saya ingin menarik perhatian pihak-pihak yang berkenaan, iaitu mengenai bekalan air luarbandar di negeri Kelantan.

Kita sedia maklum, Kerajaan Persekutuan memanglah mengadakan bekalan air luarbandar di seluruh negeri Kelantan. Di samping itu Kerajaan Negeri tidak berupaya mengadakan kakitangan yang banyak. Oleh hal yang demikian, adalah menjadi harapan saya supaya Kerajaan Persekutuan dapat membantu Kerajaan Negeri dalam masalah projek bekalan air di sana. Saya juga difahamkan bahawa kos perbelanjaan mengadakan projek bekalan air ini adalah lebih besar daripada pendapatan. Dari itu, kemudahan-kemudahan seperti ini adalah perlu mendapat pertimbangan. Ini bermakna satu servis yang baik kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini tumbuh begitu banyak filem-filem Melayu yang diusahakan oleh orang-orang Melayu. Filem-filem yang ditayangkan di panggung-panggung wayang mempunyai mutu yang

tinggi. Tetapi yang sedihnya ialah filem-filem mereka tidak mendapat tempat di panggung-panggung yang besar.

Oleh kerana panggung-panggung wayang ini dikontrol oleh dua gergasi besar yang mempunyai panggung di seluruh negara, maka adalah diharapkan agar Kerajaan dapat membantu pengusaha-pengusaha Melayu ini menayangkan filem-filem mereka di panggung-panggungnya. Mungkin dengan campur tangan daripada pihak Kerajaan, masalah mendapatkan panggung wayang ini tidak timbul.

Saya yakin dan percaya, sekiranya usaha ini dapat dilakukan maka soal monopoli yang dipegang begitu lama, akan dapat diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, Bandaraya Kuala Lumpur adalah satu bandar yang pesat dengan pembangunan. Kita akui bahawa banyak perubahan telah dilakukan. Dalam pada itu, saya berpendapat bahawa perancang-perancang bandaraya kita hendaklah membuat kajian jangka pendek dan jangka panjang supaya perancangan yang dibuat hari ini, boleh digunakan beberapa lama misalnya.

Kalau kita perhatikan betul-betul Bandaraya Kuala Lumpur ini bukanlah besar sangat. Ianya berpusing-pusing dekat situ juga dan lebih menyulitkan apabila ada sedikit pelanggaran berlaku, maka kereta-kereta akan tersusun begitu banyak sehingga memakan masa yang begitu lama.

Saya ingin mengesyorkan supaya untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas di bandaraya ini, jalan-jalan bawah tanah (sub-way) hendaklah difikirkan dengan mendalam di mana-mana yang difikirkan perlu. Kita tahu ini akan memakan perbelanjaan yang besar, tetapi dari segi jangka panjang, ia menguntungkan negara dan memberi keselesaan kepada pemandu. Hong Kong sebuah bandaraya yang begitu sebak, dapat menatasi kesesakan lalu lintas dan ini dapat dibuktikan dengan adanya jalan-jalan bawah tanah yang dapat menampung kesesakan lalu lintas pada bila-bila masa sahaja.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili kawasan pilihanraya yang sesak dengan penduduk. Sebahagian besar daripada mereka adalah daripada golongan yang miskin yang

terdiri dari petani dan nelayan, kurang dari segi harta, kurang juga dari segi peluang dan kurang pula dari segi pembangunan. Sekian lama telah keciwa dengan kegiatan Kerajaan, sudah lama juga mereka keciwa dengan janji-janji Kerajaan—bukanlah Kerajaan sekarang tetapi Kerajaan dahulu yang mana sekarang tidak mendapat kepercayaan lagi oleh rakyat. Janji di masa lepas tidak ditunaikan tegas oleh Kerajaan yang tidak ada lagi itu. Rakyat sekarang mahukan tiadakan yang tegas oleh Kerajaan. Saya rasa sudah tiba masanya bagi mereka menikmati kegiatan pembangunan tanah dan untuk memperolehi pekerjaan daripada perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, pada saat ini masih belum ada pemilihan untuk mereka menyertai rancangan-rancangan tanah semenjak pertukaran Kerajaan baharu. Saya sedar bahawa perancangan sedang diatur. Saya telah merayu supaya rakyat di kawasan saya bersabar. Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESDA) telah ditubuhkan. Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah pun di dalam Dewan yang mulia ini sewaktu saya menyokong penuh penubuhan KESDA untuk merancang kegiatan KESDA dengan rapi dan teratur, sehingga hari ini KESDA belum menunjukkan apa-apa kesan. Rakyat masih tertanya-tanya samada ianya sudah bergerak. Masanya belum terlambat lagi. Saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah-langkah yang wajar di dalam membangunkan tanah di negeri Kelantan. Kelemahan-kelemahan di masa lepas di bawah Kerajaan lama hendaklah tidak diamalkan lagi. Pakar Perunding sedang menjalankan kajian untuk memulihkan rancangan tanah Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan (LKTN), jelas bahawa kemunduran rancangan LKTN ialah kerana kekurangan bantuan Kerajaan. Besar perbezaan kemajuannya dengan rancangan-rancangan yang dibuka oleh agensi Kerajaan Persekutuan seperti FELDA dan FELCRA. Peserta-peserta LKTN diberi tanah hutan untuk diteroka dan dimajukan dengan titik peluh mereka sendiri. Rakyat Kelantan tabah dengan semangat untuk membela diri, sebab kerajinan mereka, peserta-peserta bertungkus lumus untuk menukar corak hutan yang dielajah, namun ada juga yang berjaya tetapi bukan di dalam keadaan yang sempurna. Jauh sekali bezanya keadaan rancangan LKTN Kelantan daripada kemajuan yang dicapai oleh rancangan FELDA dan FELCRA.

Saya rasa sedih tentang jurang perbezaan bantuan Kerajaan di rancangan-rancangan LKTN jika dibandingkan dengan rancangan-rancangan FELDA dan FELCRA yang serba lengkap. Adalah tidak arif dan tidak adil bagi Kerajaan Persekutuan untuk membezakan sikap pembangunan bagi golongan peneroka-peneroka tanah di negeri Kelantan dibezakan dengan golongan-golongan peneroka di negeri-negeri yang lain. Apa yang telah berlaku seboleh-bolehnya hendaklah diperbaiki, pembangunan tanah dengan konsep jaya diri ini menyusahkan rakyat. Bantuan Kerajaan di dalam kegiatan pembangunan tanah di negeri Kelantan hendaklah sama dengan kadar yang ada di FELDA dan FELCRA. Rakyat tidak mahu lagi digunakan sebagai alat untuk dicuba-cubakan. Rakyat mahu tindakan yang tegas. Lebih daripada 20 tahun negara kita mengalami berbagai corak dan jenis pembangunan tanah. Cara yang terbukti berjaya hendaklah diamalkan. Pembangunan tanah perlu perancangan yang teratur, perlu juga kemudahan-kemudahan dan pengurusan yang cekap, telah nyata rakyat menaruh penuh kepercayaan kepada Kerajaan dan rakyat mempunyai penuh harapan kepada kebijaksanaan Kerajaan yang mana ini adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab Kerajaan supaya rakyat tidak hampa dan tidak keciwa.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah sahaja ucapan saya dan akhirnya saya menyokong penuh Belanjawan yang diumumkan oleh Menteri Kewangan.

4.07 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong dan membahaskan Belanjawan tahun 1979 ini kita dapat menafikan lagi bahawa Belanjawan tersebut telah dapat diterima oleh semua golongan rakyat di negeri ini dan nyata sekali pihak Kerajaan telah menitikberatkan kebajikan rakyat terutama rakyat yang miskin di luar bandar dalam usahanya melaksanakan pembangunan ekonomi negeri ini. Turunnya setengah-setengah cukai impot barangan dan alatan tanpa menaikkan mana-mana cukai telah mengembirakan seluruh rakyat melainkan pihak Pembangkang sahaja yang tidak berpuas hati terutama pihak DAP yang memang dasarnya untuk membangkang. Sekiranya Kerajaan menurunkan semua cukai impot dan eksport dalam negeri ini maka pihak Pembangkang terutama DAP tidak akan berpuas hati juga.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1979 yang tidak menaikkan sebarang cukai sebaliknya mengurangkan lagi cukai-cukai impot jelas sekali menunjukkan kepada kita kemampuan Kerajaan Barisan Nasional untuk menjalankan usaha pembangunan negara bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang paling tinggi dan meluas untuk kebajikan rakyat terutama yang berpendapatan rendah walaupun pertumbuhan ekonomi dunia masih lagi lembab sekarang ini. Namun begitu ada beberapa perkara yang patut saya sentuh dalam penurunan cukai ini yang mungkin tidak disedari atau sengaja ditinggalkan bagi tindakan Belanjawan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam penurunan cukai impot kita dapati gadis-gadis, wanita-wanita, orang-orang muda juga suami yang sukakan isterinya berpiji merah dan berbau sedap sangat gembira apabila alatan solek atau cosmetic diturunkan cukai impotnya daripada 60% kepada 45%. Begitu juga mereka yang sukakan kepada hiburan dan gemarkan kepada alat muzik kerana alat-alat muzik telah diturunkan cukai impotnya, tetapi ada golongan belia kita yang hobinya sukakan kepada permainan dan sukan tidak dapat menikmati dalam Belanjawan ini apabila cukai alatan sukan dan permainan tidak diturunkan cukainya. Sebagaimana kita tahu peralatan sukan dan permainan ini 100% diimpot dari luar negeri dan masih lagi dikenakan cukai impot lebih daripada 50%.

Bagi menggalakkan belia-belie kita dalam kegiatan sukan dan permainan ini dan mengurangkan golongan mengidap darah tinggi serta lemah iantung, jadi saya mencadangkan supaya impot duti terhadap alatan sukan dan permainan diturunkan sebagaimana alat cosmetic dan alatan muzik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menambahkan pendapatan negara dan beberapa perkara yang patut saya sentuh dalam kutipan cukai Kerajaan. Apabila sesuatu cukai hendak dikenakan oleh Kerajaan beberapa faktor penting perlu diambil kira supaya ianya kutipan cukai dapat berjalan dengan licin dan sempurna. Dua unsur penting yang perlu dipertimbangkan di dalam mengenakan cukai ialah:

- (1) Bahawa cukai itu mudah dipungut dan kemungkinan pelarian daripada membayar cukai adalah minima; dan
- (2) Bahawa kos pungutannya adalah juga minima.

Dalam konteks ini sukalah saya menyentuh tentang cukai perkhidmatan yang telah dikenakan oleh Kerajaan buat beberapa tahun yang lalu. Setahu saya kutipan cukai perkhidmatan adalah sukar dan kadar pelarian cukai oleh pembayar-pembayar cukai adalah tinggi kerana tidak semua pembayar cukai menyimpan buku kira-kira atau buku akaun mereka dengan sempurna dan lengkap. Padahal kos untuk membuat kutipan cukai perkhidmatan ini adalah tinggi dengan enforcementnya yang terpaksa dibuat oleh Kerajaan memerlukan kakitangan yang ramai.

Sekiranya Kerajaan ingin memasuki dalam bidang cukai yang baru yang mempunyai kadar pelarian cukai yang sungguh rendah, kutipannya yang mudah dan kos kutipannya juga rendah, saya cadangkan supaya cukai dikenakan ke atas kereta sudah dipakai (second-hand transaction) iaitu bolehlah dikenakan dengan tujuan bukan sahaja Kerajaan dapat mengutip hasil yang besar tetapi juga tidak menggalakkan penggunaan kereta-kereta lama di jalanraya dan menggalakkan juga penjualan kereta yang baru, yang sudah tentu akan membantu dalam membersihkan udara di sekeliling negara kita.

Setahu saya kutipan cukai perkhidmatan yang dipungut oleh Kerajaan untuk tahun 1978 sahaja mengikut anggaran berjumlah \$16 juta adalah amat kecil jika dibandingkan dengan kutipan cukai yang lain yang kos kutipannya adalah tinggi dan saya yakin kutipan ke atas cukai jualan kereta sudah dipakai adalah besar sekali jika ditinjau dari segi banyaknya penjualan oleh syarikat-syarikat kereta pakai di seluruh negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh tentang barang tiruan atau rompak cetak. Masyarakat umum sekarang mengalami masalah yang besar dalam membeli barang-barang baik di kedai-kedai mahupun di kedai-kedai kecil kampung ataupun daerah. Barang tiruan atau rompak cetak telah berleluasan begitu sekali sehingga kita tidak sedar bahawa barang yang dikatakan asli itu adalah lebih merupakan barang tiruan yang telah dirompak cetak. Amalan ini adalah menguntungkan pekedai-pekedai yang memangnya mencari jalan untuk mengeksploitasikan pengguna-pengguna dengan sebanyak mana yang mungkin. Saya

difahamkan bahawa pengeluaran barang-barang tiruan adalah dilakukan oleh syarikat-syarikat yang berdaftar dan ini adalah di dalam pengetahuan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja tetapi oleh kerana mereka membayar cukai eksais yang sewajarnya, saya difahamkan bahawa mereka tidak bersalah dari segi Undang-undang Kastam dan Eksais. Tetapi, walau bagaimanapun, dari segi perdagangan mereka adalah bersalah.

Untuk mengelakkan orang ramai tidak tertipu oleh penjualan barang-barang tiruan dan barang-barang rompak cetak, saya cadangkan supaya satu undang-undang digubal oleh Parlimen untuk mengawasi pengedar-pengedar dan semua kedai-kedai yang berlesen supaya barang-barang tiruan tidak diedarkan secara berleluasan dan mana-mana pengedar atau kedai yang didapati bersalah menjual barang-barang tiruan dan rompak cetak, mereka hendaklah dihadapkan ke mahkamah dan seterusnya lesen-lesen mereka digantung. Sekiranya tindakan diambil, saya kira pihak pengilang atau pembuat barang-barang tiruan ini akan mengalami kesukaran untuk mengedar dan menjual barang-barang mereka ke peringkat bawah dan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh dalam penipuan perdagangan. Pada umumnya kita sedar bahawa orang ramai telah tertipu oleh syarikat-syarikat yang besar dan masyhur melalui penjualan barang-barang mereka yang tidak memenuhi penentuan yang dituliskan di atas bungkusan barang-barang itu. Sebagai satu contoh pihak Setor JKR Persekutuan yang membeli beribu-ribu beg simin yang dikatakan beratnya sebanyak 50 kilo satu beg mengikut apa yang dicatit di atas kampak simin tadi hanya menerima simin yang beratnya sebanyak 48 kilo sahaja. Ini dengan jelasnya dan terang sekali telah dinyatakan oleh Ketua Odit Negara dalam perenggan 250 dalam Penyataan Odit tahun 1974 bahawa satu penipuan yang besar telah berlaku dalam penjualan simin iaitu kekurangan dalam timbangan beg simin yang diedarkan itu.

Satu lagi contoh ialah mengenai penjualan kertas-kertas taip atau kertas-kertas pendua yang dijual secara haram. Mengikut satu siasatan yang dijalankan oleh Pejabat Odit Negara juga bahawa sungguhpun pembalut kertas itu menyatakan bahawa 500 keping

kertas terdapat dalam bungkusan itu tetapi pada hakikatnya purata bungkusan itu adalah 480 keping sahaja. Ini terbukti di dalam Laporan Odit tahun 1973, perenggan 191.

Banyak lagi penipuan yang telah dilakukan seumpama ini di Malaysia, misalnya penjualan baja, beras, gula yang dibungkus sebagaimana yang disebut oleh Wakil dari Kangar baru-baru ini tentang gula. Jadi perkara ini berlaku dengan secara berleluasan di dalam negara kita. Sekiranya syarikat yang besar dan masyhur berani menipu pihak Kerajaan melalui pembekalan-pembekalan mereka, saya kira mereka juga tidak berkeberatan dan berani untuk menipu orang ramai yang pada umumnya tidak mempunyai satu alat ataupun tidak mempunyai satu timbangan yang boleh menentukan pembelian mereka adakah cukup timbangan-nya ataupun kita tidak pernah membilang tentang barang-barang yang kita beli itu adakah cukup helainya. Jadi itulah mengikut amalan kita menyebabkan perdagangan-perdagangan yang besar membolot keuntungan yang berlipat-ganda banyaknya.

Satu lagi ialah saya suka saya menyentuh tentang bayaran perunding. Perlaksanaan Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga memerlukan Kerajaan menggunakan tenaga-tenaga mahir, bukan sahaja yang terdapat di dalam negeri tetapi juga daripada perunding-perunding di luar negeri untuk membantu Kerajaan bagi melaksanakan projek-projeknya. Bayaran ke atas perkhidmatan perunding swasta yang dilantik oleh Kerajaan untuk menjalankan kajian rekabentuk dan pelaksanaan projek-projek Kerajaan adalah ditetapkan mengikut satu peraturan yang telah digariskan oleh Kesatuan Profesyen Perunding itu sendiri. Sungguhpun Perbendaharaan telah menetapkan yang pembayaran upahan perunding dikira atas dasar sekali gus tetapi Kerajaan terus menandatangani perkhidmatan perunding ini mengikut borang-borang atau syarat-syarat bayaran yang telah ditetapkan oleh badan-badan profesyen itu sendiri. Setahu saya perjanjian tersebut adalah bertujuan menguntungkan pihak perunding dan bukan pihak Kerajaan.

Oleh itu saya mencadangkan sekiranya Kerajaan ingin menjimatkan kos dalam sesuatu projek itu bayaran kepada perunding hendaklah disemak semula dan ditentukan

mengikut tanggungjawab yang perlu dijalankan dan bukan berasaskan kepada kos sesuatu projek itu. Dan sesuatu rekabentuk yang diciptakan itu hendaklah dikira bayaran sekali gus walaupun rekabentuk itu digunakan untuk pembangunan atau bangunan sekolah ataupun hospital bagi beberapa kali.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya suka menyentuh dalam bahagian Penyata Penyesuaian Bank. Penyediaan Penyata Penyesuaian Bank adalah satu daripada unsur utama dalam mengawal perbelanjaan Kerajaan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan. Hanya melalui penyata tersebut kita boleh mengetahui samada sebarang penyelewengan ataupun penipuan ke atas wang Kerajaan telah dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak diinginkan.

Ketua Odit Negara sendiri telah menyatakan di perenggan 189 Penyata Odit 1973 dan juga dalam Penyata Odit 1974 dalam perenggan 169 bahawa pihak Akauntan Negara sendiri telah melambat-melambatkan penyediaan penyata tersebut. Saya rasa ajaib tentang hal ini kerana sekiranya sebuah agensi pusat yang sepatutnya mengawasi sistem perakaunan tidak dilaksanakan dengan sempurna dan memuaskan juga telah tidak menguruskan sistem perakaunannya dengan sempurna dan ini akan menjadi satu contoh yang buruk kepada agensi-agensi Kerajaan yang lain dan tidak hairanlah kalau Penyata-penyata Penyesuaian Bank ini tidak disediakan oleh pihak Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Perkhidmatan Talivisyen di Sekolah-sekolah berdasarkan Laporan Odit 1974—perenggan 44, juga pada bulan Disember, 1973 Kementerian Pelajaran telah mengikat satu kontrak bagi 5,000 buah peti TV daripada sebuah firma dengan harga \$2.7 juta untuk dibekalkan ke sekolah-sekolah.

Mengikut syarat kontrak itu peti-peti televisyen mesti dibekalkan dalam masa setahun. Tetapi walaupun kontrak itu dilanjutkan sehingga 9 bulan lagi, malangnya tidak ke semua TV yang dibekalkan itu sampai ke sekolah-sekolah ataupun ke pihak yang menerimanya dalam masa tarikh yang ditetapkan itu.

Selepas itu Kementerian mengikat pula kontrak dengan dua buah firma lain dalam bulan Jun 1973 dan bulan Januari 1974 masing-masing untuk dibekalkan 1,000 buah dan 1,500 generator lagi (janakuasa) untuk sekolah-sekolah di luar bandar yang tidak ada letrik. Apa yang hendak saya jelaskan di sini ialah bahawa ada sekolah-sekolah di luar bandar yang terima TV tetapi tidak terima generatornya. Dan ada pula yang terima TVnya, menyebabkan perkhidmatan pelajaran melalui TV masih tidak berjalan di sekolah-sekolah luar bandar yang jauh di pedalaman. Ini disebabkan oleh pengawasan, pemeriksaan terhadap pelaksanaan yang dijalankan oleh kontraktor-kontraktor menandakan pesanan-pesanan penghantaran penggunaan, penyelenggaraan dan seterusnya keselamatan terhadap peti-peti TV dan generator itu tidak memuaskan dan sempurna. Maka perkhidmatan pelajaran TV ke sekolah-sekolah tidak berjalan sebagaimana sepatutnya.

Setelah TV dan generator dibekalkan pihak kontraktor tidak melakukan perkhidmatan sebagaimana yang dijanjikan menyebabkan TV itu samada tidak bergambar atau gambarnya kurang terang atau mungkin juga suara tidak kedengaran walaupun mengikut perjanjian dengan kontraknya memberi jaminan selama setahun kepada TV yang dibekalkan itu dan juga selama empat tahun perkhidmatan penyelenggaraannya. Tetapi malangnya perkhidmatan ini tidak diberi ke sekolah-sekolah di luar bandar menyebabkan TV ini banyak yang rosak dan tidak dapat dibetulkan kalau dibetulkan pun tidak mempunyai perbelanjaan yang mencukupi untuk dikeluarkan oleh sekolah itu bagi memperbaiki TV yang rosak itu.

Selain daripada itu pula, kontraktor tidak memenuhi syarat untuk memperbaiki TV yang rosak dalam masa 24 jam sekiranya TV itu rosak dan juga tidak memenuhi syarat untuk menggantikan TV lain sekiranya memperbaiki TV itu tidak dapat diselesaikan dalam masa 24 jam. Jadi ini banyaklah kita dapati TV yang rosak yang tidak dapat digunakan berbulan-bulan lamanya yang tidak dapat perhatian daripada pihak kontraktor. Oleh itu saya mencadangkan supaya pihak Kementerian mengambil tindakan sewajarnya terhadap kontraktor-kontraktor yang melanggar syarat-syarat

kontraknya dan melantik satu badan pengawasan untuk memastikan perkhidmatan TV ini mendapat layanan sewajarnya. Kerana ini bukan sahaja merugikan anak-anak kita di luar bandar tetapi merugikan negara seluruhnya. Jika perlu badan-badan pengawasan mengarahkan kontraktor memberi perkhidmatan ini ke sekolah-sekolah mengikut jadual tertentu bagi menentukan yang semua TV yang dibekalkan itu berada di dalam keadaan yang baik dan seadanya-tidaknya tindakan segera harus diambil apabila menerima laporan TV itu berada di dalam keadaan yang tidak memuaskan iaitu rosak. Saya juga mencadangkan pihak Kementerian mengarahkan supaya TV dan generator itu disimpan di tempat yang selamat kerana terdapat banyak yang dilaporkan hilang dan kena curi. Begitu jugalah penyusunan jadual waktu sekolah yang harus diselenggarakan dengan TV Pendidikan supaya TV Pendidikan ini benar-benar boleh dapat faedah dan memberi menafaat kepada anak-anak kita.

Satu lagi saya suka menyebut tentang sekolah juga iaitu tentang perkhidmatan perkhidmatan buku-buku teks dan juga perpustakaan sekolah, sekarang ini adalah sangat tidak memuaskan terutama sekolah-sekolah besar dan kalau sekolah-sekolah kecil pula tidak ada langsung perpustakaan ini. Kerajaan telah membelanjakan lebih \$40 juta pada tiap-tiap tahun bagi rancangan pinjaman buku-buku teks dan dalam tahun 1974 dan 1975 peruntukan ini telah dinaikkan kepada \$62 juta setahun untuk rancangan ini. Dengan wang peruntukan yang begini banyak pihak Kementerian hanya mengeluarkan surat pekeliling yang lengkap kepada semua Guru-guru Besar dan Pengetua sekolah memberitahu cara-cara menyelenggarakan kira-kira stok yang diterima dan dipinjamkan kepada murid. Tetapi malangnya rancangan ini tidak dilaksanakan dengan jayanya di semua peringkat dan banyak kekusutan telah timbul di pihak sekolah, juga di pihak Kementerian Pelajaran sendiri dalam penyelenggaraannya.

Ada sekolah-sekolah dapat buku berganda-ganda lebihnya dan ada pula sekolah yang terima buku kurang daripada sepatutnya. Dan ada pula yang terima lewat sehingga akhir tahun pengajian baru terima buku-buku teks ini.

Masalah kerugian akibat daripada perubahan bahasa pengantar dan juga sukatan pelajaran telah bernilai sebanyak \$7 juta dan didapati buku-buku teks yang rosak dianggarkan belanja sebanyak \$3 juta dan untuk mengganti yang rosak dan juga untuk membeli buku-buku baru Kerajaan terpaksa membelanja \$7.8 juta. Jadi dengan perbelanjaan yang begitu banyak oleh sebab kecuaiannya pelaksanaan dan pengawasan, maka saya mencadangkan sekolah-sekolah yang besar misalnya sekolah gred A and B diberi peruntukan seorang kerani dalam menguruskan buku-buku teks ini. Di samping Kementerian mempunyai badan khas di peringkat Kementerian dan juga Negeri bagi menentukan penyelenggaraan dan perkhidmatan buku-buku teks ini berjalan dengan baik dan buku-buku teks itu akan diselenggarakan dan juga dapat dijaga dengan baik serta terjamin daripada mengalami kerosakan.

Menyentuh tentang perpustakaan sekolah, sekarang ini seolah-olah hidup segan mati tidak mahu. Di sekolah kedapatan sebuah bilik perpustakaan, di situlah juga terdapat bilik TV, di situlah juga menjadi bilik setor stationery bagi alat-alatan sekolah dan kadang-kadang di situ jugalah terdapat bilik-bilik riha guru. Oleh itu bagi menjayakan perpustakaan sekolah ini saya mencadangkan tiap-tiap sekolah, terutama dimulakan dengan sekolah dengan gred yang besar, yang ramai bilangan penuntutnya diberi bangunan yang khas dengan diberi seorang kerani; yang bukan sahaja bertanggungjawab terhadap setok buku-buku teks, tetapi juga bertanggungjawab di dalam menguruskan buku-buku perpustakaan ini, supaya wang yang diperuntukkan kepada perpustakaan ini benar-benar boleh mendatangkan hasil. Kita tidak boleh mengharapkan pengurusan buku-buku teks dan perpustakaan ini semata-mata kepada Guru Besar dan guru-guru yang masih banyak lagi dengan tugas-tugas pengajar dan persediaan pengajaran yang harus diselesaikan. Kalau guru-guru disokongkan dengan tugas seperti ini sudah barang tentulah guru itu tidak dapat mengajar dengan penuh minat, dan mengajar akan menjadi tugas sampingan sahaja kepada guru-guru tersebut. Oleh itu sekali lagi saya tegaskan bahawa saatnya

telah tiba bagi sekolah-sekolah diperuntukkan seorang kerani khas untuk menjaga buku-buku teks dan mengurus perpustakaan sekolah jika Kerajaan perlukan kedua-dua rancangan ini berjaya dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pelaksanaan projek pembangunan bukanlah sahaja ditumpukan kepada negeri-negeri yang kurang maju dan tidak membangun seperti Kelantan yang tertinggal dalam pembangunan lebih daripada 15 tahun, tetapi juga ke kawasan atau daerah yang tidak ada punca-punca asli (natural resources) yang boleh memberi punca-punca ekonomi kepada penduduknya. Kalau negeri lain sekarang ini dalam era Rancangan Malaysia Ketiga di Malaysia ini, tetapi di Kelantan bolehlah kita anggapkan masih lagi di dalam Rancangan Malaysia Pertama, kerana kebanyakan pembangunannya ditumpukan kepada kemudahan-kemudahan asas. Di Kelantan terutama di Pasir Puteh adalah merupakan daerah yang tidak mempunyai punca-punca asli sebagaimana yang disebutkan tadi. Sebahagian besar penduduk iaitu kira-kira 85% bergantung kepada sektor pertanian iaitu terdiri dari kaum-kaum tani sebagai penanam padi, tembakau dan juga sebagai nelayan, pekebun-pekebun kecil. Hanya 15% sahaja sebagai peniaga-peniaga dan kakitangan Kerajaan. Oleh itu amat perlu sekali Kerajaan memberi perhatian yang khusus kepada daerah ini dalam pembahagian pembangunannya. Sekarang ini rakyat Pasir Puteh sedang menunggu kedatangan beberapa projek pembangunan yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan, iaitu projek pembinaan Universiti Malaya Cawangan Nilam Puri yang diuraikan hendak dibina di Pasir Puteh. Di Pasir Puteh telahpun disediakan satu tapak yang paling sesuai, kawasan pelancungan, tanahnya subur mempunyai jalan terus serta beberapa kemudahan asas telahpun ada. Kawasan yang luasnya hampir 1,000 ekar ini terletak di kawasan Jeram Pasu di Pasir Puteh yang sudah tentu tidak keberatan bahkan disediakan sebanyak mana tanah yang dikehendaki oleh pihak universiti ini asalkan universiti itu didirikan di kawasan Pasir Puteh sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Oleh itu, saya berharap pihak Kementerian Pelajaran dan juga Universiti Malaya akan segera membuat lawatan ke kawasan tersebut seterusnya menyetujui kawasan Jeram Pasu itu sebagai tapak universiti tersebut. Harapan

penduduk Pasir Puteh supaya mereka cepat merasai pembangunan yang dapat dijalankan di daerahnya.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan semula lapangan terbang Gong Kedah di Pasir Putih adalah merupakan satu lagi pembangunan yang ditunggu-tunggu oleh penduduk daerah Pasir Puteh dan juga daerah Besut yang kedua-duanya duduk berhampiran. Lapangan terbang yang luasnya 400 ekar itu telah diberi lease kepada Kementerian Pertahanan dengan bayaran \$3,960 setahun tetapi telah lama tinggal di dalam keadaan terbiar dan setengah-setengahnya telah rosak. Allahyarham bekas Perdana Menteri kita Tun Haji Abdul Razak telahpun membuat lawatan ke lapanganterbang tersebut dan baru-baru ini diikuti pula oleh Menteri Pertahanan kita untuk melawat kawasan tersebut bagi membina semula dan digunakan untuk latihan TUDM. Sekarang ini pihak Pejabat Tanah telahpun menyediakan tanah tambahan sebanyak 600 ekar lagi bagi memperluaskan kawasan tersebut dan begitu juga Pejabat Tanah Besut telahpun menyediakan dan tidak menjadi halangan untuk memberi tanah beratus-ratus ekar untuk memperluaskan lapanganterbang tersebut. Oleh itu pihak Kementerian Pertahanan dan juga TUDM tidak mempunyai halangan apa-apa untuk memulihkan semula dan membina semula lapanganterbang tersebut. Bukan sahaja untuk kepentingan dan keselamatan negara, tetapi juga untuk memberi nikmat pembangunan yang akan dirasai oleh penduduk sekitarnya bagi menjalankan kegiatan ekonomi mereka. Apa yang membimbangkan rakyat di Pasir Puteh ialah sekiranya pembinaan semula lapanganterbang ini lambat dijalankan, kawasan lapanganterbang itu akan diteroka oleh penduduk-penduduk di sekelilingnya secara haram bagi menanam tanaman-tanaman tembakau dan sayur. Kerana sekarang ini yang tertinggal hanyalah tempat yang ada tar dan simen sahaja tidak dicangkul oleh penduduk-penduduk di situ. Akhirnya kalau tanah ini dibiarkan lagi bukan sahaja kawasan 400 ekar itu diteroka tetapi kawasan yang dicadangkan untuk diberi kepada pihak Kementerian itu juga akan diteroka oleh rakyat dan ini mungkin akan menyusahkan Kerajaan untuk mengambil tindakan yang lain, bagi membesarkan lapanganterbang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, menyambung kepada pembangunan di Pasir Puteh lagi, pembinaan Hospital Daerah Pasir Puteh akan menelan belanja sebanyak \$5 juta itu telahpun diperuntukkan dan sekarang ini peruntukan \$500,000 bagi bayaran tanah dan segala urusan pengambilan tanah telahpun siap dilaksanakan oleh Pejabat Tanah. Jadi pihak Kementerian Kesihatan tidak ada halangan apa-apa lagi untuk membina hospital itu secepat mungkin. Jadi apa yang penting bilakah pembinaan dan peruntukan seterusnya akan diberi bagi pembinaan hospital ini kerana hospital yang ada sekarang iaitu merupakan satu Pusat Kesihatan sahaja yang tidak mungkin dapat memberi perkhidmatan sempurna dan memuaskan kepada penduduk Pasir Puteh yang hampir 100,000 orang itu.

Terlanjur bercakap fasal hospital, suka juga saya menyentuh tentang doktor-doktor dan pegawai-pegawai kesihatan yang dihantar ke daerah tempat saya yang didapati 95% orang bumiputra yang tidak mahir dengan berbahasa lain melainkan Bahasa Melayu. Untuk rawatan sempurna dan mengetahui penyakit-penyakit sebenarnya penyakit itu kenalah doktor itu mengetahui bahasa Kebangsaan dengan fasih dan difahami oleh rakyat untuk menerima rawatan perubatan itu. Saya merayu supaya doktor-doktor bumiputra yang berbahasa Melayu dihantar ke daerah Pantai Timur seperti di Pasir Puteh. Yang paling sedih sekali ialah doktor kontrek dari Bangladesh, Ceylon, India dan lain-lain yang dihantar ke Pantai Timur yang tahu hanya perkataan "ada sakit", "ada berak" (*Ketawa*). Itu sahaja perkataan yang diketahui oleh doktor-doktor itu. Kalau hendak pakai juga doktor kontrek ini hantarlal ke bandar-bandar besar tetapi janganlah ke Pantai Timur kerana sangat menyusahkan rakyat di Pantai Timur untuk berbahasa dengan mereka.

Satu lagi ialah kecuaiian pegawai perubatan. Biarlah saya sebut kecuaiian ini berlaku di Pasir Puteh yang menyebabkan menjatuhkan imej dan juga nama baik Kementerian Kesihatan sendiri yang menghilangkan kepercayaan rakyat terhadap hospital bilamana Atendan Hospital mengambil tempat Pegawai Perubatan atau Hospital Assistant (H.A.) bagi melakukakan khatan atau bersunat yang berlaku pada tahun lepas, menyebabkan seorang kanak-kanak Tingkatan Satu telah terpotong kepalanya—topinya (*Ketawa*). Ini

adalah satu kecuaihan yang paling besar dan tidak boleh dimaafkan lagi dan merupakan satu kesalahan jenayah yang paling dahsyat lebih daripada membunuh. Bukan sahaja kanak-kanak itu tidak menyerupai sebagai seorang lelaki tetapi kanak-kanak itu akan merana dan dalam keadaan malu sepanjang hidupnya. Oleh itu saya berharap kecuaihan seperti ini tidak akan berlaku lagi serta memohon jasa baik pihak Kementerian Kesihatan mengambil perhatian yang serius dan membayar gantirugi yang sepatutnya kepada kanak-kanak itu oleh pihak Kerajaan.

Apa yang berlaku ini membuktikan kecuaihan dan kesombongan kakitangan hospital, bukan sahaja di Pasir Puteh tetapi di mana-mana sahaja. Oleh itu latihan tata-tertib, pengajian sosial dan tanggungjawab hanya terhadap tugas masing-masing sahaja hendaklah dijalankan dengan sempurna, hendaklah disampaikan kepada kakitangan-kakitangan di hospital, oleh kerana seekor kerbau membawa lumpur akan habis semuanya terpalit.

Satu lagi ialah kisah kereta ambulan (kereta pertolongan cemas) yang ada di Pasir Puteh itu ada sebuah sahaja, umurnya telah hampir 10 tahun. Kalau orang sakit atau kemalangan sudah tentu mati di tengah jalan, kerana kereta ambulan yang dihantar ke daerah ini adalah yang buruk dan sudah tidak lagi diperlukan oleh General Hospital di tempat-tempat yang besar. Saya mintalah supaya dibekalkan kereta atau van ambulan ini yang belum lagi dipakai kerana di daerah-daerah pendalaman perlukan perkhidmatan ambulan ini supaya tidak tergendala.

Satu cerita berkenaan ambulan ini adalah amat menyedihkan saya apabila rakan saya iaitu seorang Ahli Dewan Undangan Negeri telah mendapat kemalangan di Kampung Rahmat, Chalok, Besut, Trengganu. Kemalangan itu berlaku pada pukul 12.30 tengahari tetapi Ahli Dewan Undangan Negeri dan keluarganya itu yang kena kemalangan dapat dihantar ke Hospital Jerreh pada pukul 3.30 petang, ini mengambil masa 3 jam bagi perjalanan yang jauhnya 30 batu sahaja. Ceritanya ambulan itu telah tercabut tayar di tengah jalan. Selepas sampai di Hospital Jerreh, Besut, Ahli Dewan Undangan Negeri ini terpaksa pula menunggu 2 jam lebih barulah dapat dibawa ke Hospital Kota Bharu kerana

ketiga-tiga buah ambulan yang ada di Hospital Jerreh itu tidak boleh digunakan kerana satunya telah rosak, satu digunakan untuk membawa orang sakit yang lain, akhirnya kerana desakan dapatlah sebuah ambulan yang umurnya juga sudah hampir 10 tahun, keempat-empat tayarnya botak, dapat berjalan tidak lebih daripada 30 batu sejam. Dari Jerreh ke Hospital Besar Kota Bharu sejauh 35 batu itu memakan masa 2 jam lebih dan apabila ambulan itu sampai di Kota Bharu kira-kira pukul 7.30 malam. Inilah satu contoh kelambatan pihak hospital mengambil tindakan dan keadaan ambulan yang ada di daerah saya menyebabkan satu kemalangan yang berlaku pada pukul 12.30 tengahari itu sampai di Hospital Besar Kota Bharu pukul 7.30 malam kerana tidak dapat membuat rawatan di Hospital kecil, telah memakan masa berjam-jam baru mendapat rawatan sempurna. Inilah apa yang berlaku kepada Ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri Kelantan, jadi apa hal kalau benda ini berlaku kepada rakyat biasa yang tidak tahu untuk membuat desakan atau meminta sesuatu kepada pihak Hospital.

Terlanjur bercakap tentang hospital ini biarlah saya habiskan kisahnya iaitu sekarang ini di Hospital Besar Kota Bharu dan mungkin di hospital besar yang lain dikenakan bayaran 50 sen kepada mereka yang hendak mengambil kad dan berjumpa doktor. Apakah maksud wang ini dan adakah dimasukkan dalam kira-kira wang masuk kepada hospital? Kerana ada setengah-setengah yang baik dengan pengeluar kad itu tidak payah dibayar dan kita tahu yang pergi ke hospital ini kebanyakannya rakyat kampung, rakyat biasa yang tidak mampu berjumpa pakar ataupun private doctor yang kita kena bayar. Dan yang paling tidak kena ialah Kerajaan membelanjakan \$650 juta untuk kesihatan tetapi 50 sen masih lagi diagih kepada rakyat dan wang ini pula tidak tahu maksud yang dipungutnya. Begitu-lah juga bagi rawatan gigi yang dikenakan \$1 dicabut sebatang, sampai 5 batang atau \$5 barulah dapat cabut percuma. Kerana orang sakit itu cabut 5 batang lebih sudah tentulah mereka akan buat gigi baru dan di situlah pula mereka akan mendapat keuntungan, sebab itulah lebih daripada 5 batang itu percuma. Sudahlah kawan itu sakit, kena cabut, kena bayar pula. Oleh itu saya mencadangkan pihak Kementerian Kesihatan menghapuskan segala bayaran yang kecil-kecil dan tidak menambahkan apa-apa

beban kepada Kementerian daripada dikenakan kepada rakyat yang perlu mendapat rawatan. Kalau hendak memberi perubatan percuma biarlah betul-betul percuma, bahkan dapat menggalakkan orang-orang kita pergi hospital atau ke kelinik pergigian.

Berbalik kepada pembangunan di Pasir Puteh juga. Di Pasir Puteh adalah sesuai dengan satu pembinaan kilang, iaitu agro-based industry kerana banyak bahan-bahan terbuang seperti jerami, batang kayu, bantang getah tua dan sebagainya, yang boleh dibina kilang soft board ataupun kilang-kilang kayu lapis yang sekurang-kurangnya dapat memberi pekerjaan kepada anak-anak tempatan di Pasir Puteh, selain daripada itu bahan-bahan yang terbuang itu dapat juga diberi nilai yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya tegaskan bahawa Kelantan telah ketinggalan dalam pembangunan kemudahan asas ini selama 15 tahun. Bukan sahaja bekalan elektrik dan air tetapi juga jalan-jalan kampung, jalan-jalan penggawa yang paling buruk dan tidak terjaga. Jalan-jalan seperti inilah jalan yang sebenar tempat rakyat miskin berpijak dan juga dapat melihat pembangunan yang paling dekat dan mudah serta seterusnya dapat mengubah cara hidup rakyat supaya dapat mengguna pakaian yang baru dan dapat berkasut. Jadi, rakyat akan cepat merasai nikmatnya dan nampak akan pembangunannya apabila jalan-jalan kampung ini ditar atau dibaiki dengan sempurna, sekurang-kurangnya dapat ditutup dengan quarry dust yang terelak daripada lecak iaitu berselut di musim hujan dan terelak daripada berdebu di musim panas. Oleh itu peruntukan bagi pembinaan jalan-jalan kampung sebanyak \$500 sebatu itu adalah tidak mencukupi bagi membina jalan-jalan yang baik, sempurna dan dapat tahan dua tiga tahun. Oleh itu, saya mencadangkan Jabatan Perdana Menteri memperuntukkan kadar pembinaan jalan-jalan kampung ini kepada \$1,000 sebatu. Dengan ini tidaklah jalan-jalan yang dibina dengan cara ad-hoc sahaja iaitu sedikit-tidaknyanya biarlah jalan itu tahan sampai dua tiga tahun atau lebih lagi dan tidaklah berlaku permohonan daripada penduduk-penduduk kampung untuk membaiki jalan bagi tiap-tiap tahun untuk jalan yang sama dan tidaklah juga berlaku tentang jalan yang hendak dibaiki belum lagi selesai

tetapi jalan yang baru dibaiki sudah rosak kembali. Jadi, segala-galanya ini akan membebaskan kepada Pegawai Daerah, Wakil-wakil Rakyat serta pihak Kerajaan juga dalam menjalankan tugas yang sama, projek yang sama dan masalah yang sama pada tiap-tiap tahun.

Patut juga saya sebutkan di sini kebanyakan jalan-jalan ladang di luarbandar yang luasnya satu rantai dibina oleh KADA dan juga Rancangan Kelantan Utara yang perlaksanaannya masih di atas pelan sahaja. Oleh itu, saya berharap pihak KADA, Kelantan Utara dan JKR melaksanakan projek tersebut di atas tanah secepat mungkin, sedikit-tidaknyanya penduduk Pasir Puteh akan dapat merasai jalan tar sebelum berakhirnya Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Pasir Puteh ada satu rancangan yang besar iaitu penyelidikan telahpun dijalankan tentang tanah masam kelat iaitu di kawasan Kemasin dan di Gong Kulim, di Semerak yang seluas 6,000 ekar tanah ini tidak dapat digunakan untuk pertanian. Projek ini dijangka akan menelan belanja sebanyak \$600 juta lebih. Jadi, apa yang saya hendak tegaskan di sini bahawa penyelidikan yang dijalankan itu hendaklah dijalankan dengan segera dan pihak penyelidikan itu hendaklah memberi pengesyoran secepat mungkin, tidak memakan masa yang lama kerana projek-projek yang besar ini dapat dinikmati oleh rakyat secepat yang mungkin dan tidaklah menunggu-nunggu hingga beberapa lama barulah dapat dirasai oleh rakyat. Oleh itu, saya menyokong Belanjawan 1979.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.55 ptg.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya untuk sama-sama membahaskan ucapan Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diketahui ramai bahawa kewangan sebuah negara walau bagaimana banyaknya sekalipun tidak akan mempunyai keupayaan apa-apa sekiranya penduduk negara itu sendiri

tidak tenteram dan damai. Dalam hal ini saya secara ringkas menarik pandangan Kerajaan terhadap rumah-rumah, menyembah berhala yang bertambah tumbuh dengan banyaknya sekarang yang dibuat, dan sengaja dibuat di merata-rata tempat di bawah pokok-pokok besar, di tepi-tepi jalan-jalan besar di rancangan-rancangan perumahan dan di mana sahaja terdapat projek-projek besar yang dikendalikan oleh kontraktor-kontraktor yang bukan beragama Islam. Mereka ini dengan segala mudah dan sewenang-wenangnya membangunkan rumah-rumah ibadat mereka di tempat-tempat tersebut dan lain-lain yang sudah tentu akan menimbulkan kerumitan di masa-masa tertentu khususnya bila mana terdapat sesuatu rancangan atau projek baru yang akan dibuat di tempat yang telah dibangunkan tempat menyembah berhala ini.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, cara membangunkan rumah berhala di merata-rata tempat tanpa sebarang peraturan dan kawalan ini seolah-olah mereka ingin menonjol-nonjolkan kepada umum bahawa penduduk negeri ini keseluruhannya terdiri dari golongan penyembah berhala yang sudah tentu akan meletuskan satu reaksi yang sangat tidak menyenangkan di masa hadapan nanti. Oleh itu, sebelum keadaan menjadi bertambah rumit dan buruk, saya ingin menyarankan kepada Kerajaan supaya mengadakan kawalan dan peraturan tertentu dalam membangunkan rumah-rumah berhala di negara ini supaya tidaklah boleh menimbulkan reaksi yang tidak baik dari penduduk negeri ini yang ugama rasminya ialah Islam.

Amatlah salah bagi seseorang yang menganggap bahawa kerja yang sebegitu adalah berdasarkan kebebasan beragama dan dijamin oleh Perlembagaan negara. Saya berkata amat salah anggapan begitu ialah kerana kebebasan beragama itu bukan berarti kebebasan mendirikan rumah-rumah berhala berselerak di merata tempat dan menggunakan tanah Kerajaan atau tanah sesiapa dengan tidak ada sebarang kawalan dan peraturan tertentu.

Perkara yang kedua yang ingin saya sentuh juga ialah masalah lalu lintas yang menjadi masalah besar dan agak menjadi semakin menimbulkan masalah hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, seseorang yang berkenderaan dari Kelantan ke Kuala Lumpur, lebih-lebih bila hari hujan dan jalanraya

menjadi basah, merasai seakan-akan menggadai nyawa, setiap kali berdepan dengan lori-lori, samada lori balak atau lori-lori lain. Kejadian-kejadian di jalanraya pada keseluruhannya telah melibatkan kereta/lori. Saya percaya bukanlah pengguna-pengguna kereta dari Kelantan/Kuala Lumpur sahaja yang merasa cemas dengan kenderaan lori ini, bahkan seluruh pengguna jalanraya di seluruh negara terasa kecemasan ini bila berdepan dengan lori.

Setahu saya keseluruhan lori ini bolehlah dibahagi kepada dua. Satunya lori biasa dan satu lagi lori-lori yang bekerja secara kontrek. Lori kontrek ini biasanya akan menggunakan masa yang amat sedikit untuk mendapatkan kerja dan keuntungan yang amat banyak atau dengan ibarat lain lori-lori ini terpaksa bekerja dan berlari di jalanraya sederhana yang dapat untuk mengaut dan mendapat upahan seberapa banyak yang boleh. Di sinilah letaknya bahaya dan di sinilah letaknya kemungkinan besar berlakunya nahas-nahas jalanraya yang hampir setiap hari berlaku yang menjahanamkan harta dan mengorbankan nyawa.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang kepada Kerajaan supaya memikirkan dengan serious mengenai lori yang bekerja secara kontrek ini samada dengan membatalkan kerja secara kontrek atau mengadakan satu dialog khusus di antara Kerajaan dan taukeh-taukeh kontrek bagi mencari jalan tengah untuk mengelakkan semakin banyaknya berlaku nahas ini, lebih-lebih lagi masa depan negara yang nampaknya semakin banyak rancangan-rancangan besar yang biasanya berjalan secara kontrek dan melibatkan lori-lori kontrek yang membuas dan mengganas itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tuduhan yang dilemparkan ke atas PAS bahawa ianya lebih bahaya daripada kominis, bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, memanglah saya tidak boleh menyekat seseorang walau siapa sekalipun dari berkata apa sahaja yang mereka mahu, lebih-lebih kalau seseorang itu punya kuasa dan tenaga. Apa yang saya boleh katakan di sini iaitu kalau sekiranya tuduhan ini dibuat kerana bimbangan negara ini dipengaruhi oleh kominis, maka PAS telah selama-lamanya menentang kominis. Ahli-ahli PAS secara otomatis dengan dasarnya Islam itu menafikan kominis

di dunia telah bersaksi bahawa pemimpin politik Melayu yang diberkas tidak lama dahulu adalah dari parti lain daripada parti PAS. Bukan setakat PAS menentang komunis yang bertentangan dengan dasar asasnya bahkan PAS selama-lamanya menentang sebarang amalan yang bercanggah dengan Islam. PAS menentang sebarang maksiat dalam apa sahaja nama dan sebutannya. PAS menentang maksiat judi, walaupun diberi nama Kebajikan Masyarakat atau walaupun dengan alasan-alasan untuk menarik pelancung ke negeri ini untuk menambahkan pertukaran wang asing.

PAS juga menentang maksiat jualan minuman keras secara terbuka walaupun negara ini didiami oleh kaum berbilang agama kerana PAS tahu bahawa kemudharatan judi dan arak atau minuman keras bukanlah memilih manusia atau memilih penganut agama. Semua manusia di dunia ini tanpa mengira tempat tetap merasai kemudharatan judi dan minuman keras, yang untung hanya segelintir manusia yang bernafsu dan bersemangat lintah darat sahaja. PAS menentang komunis dan segala bentuk maksiat lain. Perkara itu tak usahlah diragukan atau dibimbangkan oleh sesiapa pun. Dan sejarah PAS menerima tawaran dari pemimpin UMNO untuk menerima Kerajaan campuran kemudian Barisan Nasional ialah berasaskan kemahuan PAS sama-sama menentang ancaman komunis secara positif. PAS menentang segala jenis maksiat baik dari aspek akidah seperti komunis atau dari aspek amalannya. Sebab itu PAS selama-lamanya menyatakan rasa dukacita yang tidak berkesudahan bila melihat amalan pemimpin-pemimpin yang beragama Islam hadir di upacara pembukaan rumah-rumah berhala yang bertaburan di negara ini. Perbuatan pemimpin-pemimpin ini menggambarkan kepada generasi muda yang kurang didikan dan pelajaran agama bahawa Islam hanya suatu alat untuk menentang salahguna dadah dan komunis sahaja dan tarafnya sama sahaja dengan agama-agama lain, sama-sama diperlukan untuk mengatasi komunis sahaja. Di samping menimbulkan reaksi lain yang lebih bahaya lagi iaitu adakah perasmian Islam sebagai agama negara ini berpunca daripada kebenaran Islam itu sendiri sebagai agama tunggal yang diredai Allah ataupun perasmian itu hanya secara kebetulan, secara kebetulan orang Melayu seluruhnya beragama Islam sejak dahulu lagi?

Reaksi kedua yang disebut tadi ialah anak-anak muda dan belia-belia kita semakin ramai yang tidak mendapat didikan agama ini mendengar dan melihat sendiri tindak-tanduk pemimpin mereka yang beragama Islam mengambil bahagian secara langsung membuka rumah-rumah berhala sama seperti mereka mengambil bahagian dalam istiadat membuka masjid-masjid.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang perlu saya sebutkan juga lagi ialah masalah program TV ataupun radio dan sebagainya. TV adalah menjadi kesukaan anak-anak muda kita hari ini seperti juga kesukaan orang-orang dewasa. Program yang sangat disukai ialah seperti *Combat* dan sebagainya seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar baru-baru ini. Apalah salahnya tayangan itu dibuat mengikut peraturan kalendar, peraturan waktu sembahyang? Kita telah menyiapkan kalendar cukup untuk setahun, dengan sendirinya segala masa untuk sembahyang Maghrib dan Isya telahpun diterangkan awal-awal lagi sejak setahun dulu. Oleh yang demikian, apalah kalau tayangan-tayangan yang disukai ramai khususnya anak-anak muda itu dijadualkan mengikut peredaran atau mengikut pusingan kalendar supaya tidaklah menimbulkan per-canggahan di antara menengok TV dan berjemaah Maghrib yang sangat-sangat dikehendaki oleh kita hari ini. Sekian, terima kasih.

5.03 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas ucapan Belanjawan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Dan sebelum saya memulakan ucapan saya, saya ingin meminta izin untuk menjawab suatu komen yang dibuat oleh wakil rakyat dari Pasir Mas. Beliau menyatakan bahawa semua golongan kecuali DAP sahaja yang tidak berpuashati dengan ucapan Belanjawan. Selepas mendengar ucapan daripada beliau saya mendapati bahawa beliau sendiripun tidak puashati dengan keadaan yang ada sekarang. Dengan sebab itu beliau pun telah membuat cadangan-cadangan untuk memperbaiki itu dan ini. Dan ingin saya jelaskan di sini bagi pihak DAP bahawa tujuan kami ialah bukan berniat menentang

oleh kerana semata-mata mahu menentang, tetapi sebagai wakil rakyat kami adalah bertanggungjawab untuk menyuarakan pandangan-pandangan rakyat yang kami ada mewakili mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mendakwa bahawa beliau telah membentangkan belanjawan yang "adil dan melegakan" kepada negara dalam Dewan yang mulia ini. Jumaat lalu.

Seperti yang terdapat dalam belanjawan 1979, ia tidak mengandungi cadangan-cadangan cukai yang drastik yang membebankan rakyat terutama golongan miskin dan berpendapatan rendah di mana ia pada umumnya diterima sebagai adil dan melegakan.

Bagaimanapun belanjawan 1979 adalah mendukacitakan jika dibandingkan dengan apa yang disuarakan oleh Kerajaan untuk membantu yang miskin dengan menghapuskan kemiskinan dan ketidakadilan sosial dan ekonomi.

Yang Berhormat Menteri Kewangan juga mensifatkan belanjawan 1979 adalah sebagai belanjawan "pelepasan cukai" tetapi sebagai mana yang saya katakan tadi, mengambil kira jangkaan keperluan kerajaan untuk membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah bagi mengatasi taraf hidup yang tinggi dan melengkapkan mereka untuk mengatasi inflasi, ucapan belanjawan itu mendukacitakan. Jadi publisiti yang berlebihan terhadap belanjawan yang dikatakan "melegakan" itu tidaklah segala yang diharapkan kepada golongan miskin dan mereka yang tidak berpeluang dalam masyarakat kita ini.

Benar, Tuan Yang di-Pertua, penurunan cukai telah dibuat ke atas barang-barang pengguna seperti buah-buahan, TV warna, alat-alat solek dan alat-alat muzik. Tetapi soalnya bagaimanakah pengurangan cukai itu akan menguntungkan atau dinikmati oleh orang-orang miskin di kampung, kampung-kampung baru dan estet-estet.

Selain dari pengurangan 50 peratus cukai impot buah-buahan dalam mana kami dan rakyat mengalu-ngalukan dan juga sebagai mana yang kami sarankan dari mula-mula lagi terhadap pengenaan cukai yang tinggi

ke atas buah-buahan impot, kelepasan cukai barang-barang yang lain adalah sebenarnya menguntungkan mereka yang berada.

Saya menjangkakan sepatutnya Menteri Kewangan mengurangkan cukai kepada lebih banyak barang-barang keperluan pengguna seperti barang-barang makanan selain dari buah-buahan misalnya kain baju, pakaian, tambang pengangkutan minyak dan letrik.

Saya kesal bila mendapati bahawa Menteri Kewangan tidak sebenarnya memberikan pelepasan cukai ke atas "barang-barang keperluan" untuk golongan miskin walaupun beliau telah memberikannya ke atas barang-barang keperluan untuk golongan berada.

Memandangkan perbelanjaan hidup yang kian meningkat di negara ini, di mana harga sentiasa melambung naik, Menteri Kewangan sepatutnya mengambil perhatian dengan menurunkan harga barang-barang dan perkhidmatan yang diperlukan, dengan mengurangkan atau menghapuskan cukai impot terutama ke atas barang-barang seperti bahan makanan, kain baju, pakaian, minyak dan letrik.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia yang miskin yang mendapat lebih sedikit 10 peratus dari jumlah pendapatan negara, membayar lebih dari 10 peratus cukai ke atas bahan makanan, minuman, tembakau, sewa, minyak, letrik yang mana berhubung rapat dengan perbelanjaan rumah kaum miskin.

Atas alasan ini, apa bentuk ukuran kewangan yang boleh memberikan pertambahan biar pun satu peratus kepada pendapatan rakyat yang miskin, ini sepatutnya diberi keutamaan.

Umpamanya, pengurangan lima atau sepuluh sen ke atas bahan makanan atau pengurangan lima atau sepuluh sen tambang bas, atau satu atau dua ringgit ke atas pakaian pasti akan memberi penghidupan baru kepada golongan yang miskin.

Mengadili dari publisiti di akhbar-akhbar kepada ucapan belanjawan, ia akan menggambarkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah terlalu murah hati kepada para pengguna di Malaysia, tetapi yang sebenarnya, publisiti yang diberikan terlalu membesar-besarkan faedah yang diperolehi oleh golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan memang tidak dapat mengelakkan dirinya dari berpolitik dari belanjawannya yang melegakan itu bila beliau berkata bahawa Kerajaan tidak mengambil kesempatan dengan kejayaan cemerlangnya dalam pilihanraya umum baru-baru ini untuk menaikkan cukai-cukai dan dengan itu memberi gambaran bahawa Kerajaan sekarang sentiasa menjaga kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan Kerajaan tidak menaikkan cukai sebaik-baik sahaja pilihanraya selesai adalah tidak memeranjatkan. Ini adalah diharap merupakan satu hadiah kepada mereka yang membantu Barisan Nasional kekal semula memerintah dalam pilihanraya tersebut, tetapi siapa dapat meramalkan selepas memberikan rakyat dengan sedikit gula-gula itu, pil-pil yang pahit akan mengikutinya pula, bila cukai-cukai baru diperkenalkan pula dalam belanjawan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan belanjawan Menteri Kewangan akan menjadi alat yang lebih berkesan dalam membantu rakyat kebanyakan sekiranya ia dieratkan kepada perkara-perkara yang berikut:

- (1) Mengurangkan cukai kepada mereka yang terpaksa menanggung orang-orang tua mereka dalam cara hidup Asian (Asian way of life). Ramai rakyat memberi bantuan kewangan kepada orang tua mereka sebagaimana yang diketahui dalam masyarakat Malaysia di mana keluarga adalah merupakan satu unit integrasi.
- (2) Memberikan pampasan pelajaran kepada mereka yang berpendapatan kurang dari \$15,000 setahun yang terpaksa menanggung perbelanjaan pelajaran tinggi anak-anak mereka di luar negeri kerana tidak mendapat tempat di universiti tempatan.
- (3) Penghapusan atau sekurang-kurangnya pengurangan lima peratus ke atas cukai jualan.
- (4) Pengurangan cukai jalan ke atas motosikal.
- (5) Pengurangan cukai ke atas minyak terutama minyak kereta memandangkan Malaysia sekarang ini adalah sebuah negara **pengeluar minyak**.

- (6) Yang lebih mustahak ialah mengurangkan perbelanjaan yang membesar, mengekonomikan dan mengamalkan perbelanjaan yang sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman Menteri Kewangan bahawa pelepasan cukai pendapatan untuk anak-anak yang dinaikkan walaupun dialu-alukan masih belum mencukupi dan tidak akan membantu untuk meringankan perbelanjaan ke atas anak-anak yang mana ianya terlalu tinggi kadarnya sekarang memandangkan kadar inflasi begitu tinggi. Apa yang sepatutnya dilakukan ialah dengan menaikkan pelepasan cukai perseorangan, iaitu \$4,000 kepada individu dan \$2,000 kepada isteri.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya cadangan ini tidak diterima oleh Kerajaan, sekurangnya Menteri Kewangan hendaklah menggandakan cukai rebate sekarang iaitu dari \$60 kepada \$120 seorang kepada seorang pembayar cukai dan dari \$30 kepada \$60 kepada isteri ini ialah sebagai pertambahan kepada kenaikan cukai pelepasan kepada anak dalam tanggungan sebagaimana yang diumumkan oleh Menteri berkenaan.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa ini adalah perlu pada satu masa bila keluarga-keluarga mendapati semakin sukar untuk mengatur perbelanjaan bagi menghadapi perbelanjaan hidup yang kian meningkat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan mungkin timbul, berikutan dengan cadangan-cadangan mengenai penurunan cukai, pelepasan cukai dan potongan cukai untuk membantu rakyat biasa yang makan gaji, apakah yang mesti dilakukan bagi mengimbangi kehilangan hasil. Oleh itu kami menyeru Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya mengkaji dan melihat perubahan terhadap sistem cukai berdasarkan kepada keadilan sosial. Dengan keadilan sosial ia membawa erti bahawa mereka yang mampu membayar cukai lebih, dikenakan cukai yang setimpal dengan kemampuan mereka untuk membayar.

Memang terdapat banyak lapangan di mana Kerajaan dapat menambahkan hasil pendapatan negara melalui sistem cukai yang adil dan saksama dan satu lapangan yang Kerajaan barangkali boleh memberi perhatian ialah samada cukai perjudian

(gaming tax) sebanyak 5 peratus sekarang ini patut dinaikkan. Tetapi sewajarnya jalan yang terbaik untuk menjimatkan pendapatan negara ialah dengan mengurangkan perbelanjaan yang membazir yang mana pemimpin-pemimpin Kerajaan harus mempeloporinya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya ini, saya dengan ini menyeru Kerajaan supaya melancarkan satu kempen jimat cermat peringkat nasional dan tidak ada orang yang lebih layak untuk melancarkannya selain daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang sememangnya sudah terkenal dengan ketegasannya mengenai soal-soal kewangan. Hanyalah jika Kerajaan mengambil langkah tegas, saya percaya memang banyak lapangan di mana perbaziran kewangan dapat dikurangkan untuk menyelamatkan hasil negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, dari jumlah \$13,570 juta yang diperuntukkan bagi Belanjawan 1979 sebanyak \$8,709 juta adalah diperuntukkan kepada perbelanjaan pengurusan dan sejumlah \$4,861 juta pula untuk perbelanjaan pembangunan.

Dengan jumlah yang begitu besar wang rakyat yang akan dibelanjakan adalah perlu dipastikan bahawa wang tersebut digunakan dengan sempurna dan bermakna demi kemajuan dan faedah rakyat jelata. Ini memerlukan kemampuan pelaksanaan yang cekap dan kelicinan pentadbiran di semua Kementerian dan Jabatan. Oleh itu adalah perlu disadari bahawa kejayaan pelaksanaan projek-projek pembangunan bergantung besar kepada pentadbiran Kerajaan yang cekap, tidak rasuah, jujur dan dedikasi.

Setakat memperkenalkan dan melaksanakan 'Sistem Belanjawan Program dan Prestasi' atau Programme dan Performance Budgeting System" (PPBS) dan "Pengurusan Odit—sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan—untuk meneliti pencapaian agensi-agensi Kerajaan dalam perancangan, pemilihan dan pelaksanaan program perbelanjaan awam adalah belum memadai dan tidak menjamin, walaupun ianya satu langkah yang tidak diragukan. Apa yang diperlukan ialah satu

reformasi pentadbiran yang menyeluruh bagi meningkatkan lagi kecekapan dan daya capai semua Kementerian dan Jabatan.

Semuanya ini memang diperlukan memandangkan apa yang dinyatakan oleh Timbalan Perdana Menteri beberapa waktu yang lalu bahawa pentadbiran kita masih berasaskan "cara-cara abad ke 19". Kerajaan telah mengumumkan bahawa ia telah melancarkan satu program bagi memodenkan sistem dan alat jentera Kerajaan pada keseluruhannya tetapi sehingga kini hasilnya belum kelihatan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendapati bahawa satu perlima atau \$1,925 juta diperuntukkan kepada perbelanjaan pengurusan, akan dibelanjakan untuk keselamatan. Bukanlah ini bermakna kita harus melupakan terus masalah-masalah keselamatan kerana tanpanya tidak akan ada pembangunan nasional—bagaimana saya ingin bertanya kenapa kita berbelanja begitu banyak untuk keselamatan.

Jika dibandingkan dengan perbelanjaan 1978 di mana jumlah peruntukan sebanyak \$1,171 juta telah dibelanjakan sebagai perbelanjaan pengurusan Kementerian Pertahanan, jelaslah bahawa terdapat pertambahan dalam perbelanjaan untuk keselamatan tahun hadapan. Adakah ini bermakna masalah keselamatan kita semakin menyulitkan sehingga memerlukan pertambahan perbelanjaan untuk pertahanan? Jika ini benar, kenapa berlaku demikian?

Tuan Yang di-Pertua, saya dan rakyat yang lain, memang mengutamakan keselamatan. Tetapi kita harus ingat bahawa cara yang paling berkesan untuk mewujudkan keamanan dan keselamatan ialah dengan menawan hati dan pemikiran rakyat melalui sosio-ekonomi. Jika kita berjaya menawan hati dan pemikiran rakyat sahajalah kita akan berjaya membina sebuah masyarakat yang bersatu padu dan sejahtera di Malaysia.

Memandangkan hal ini, saya merasakan bahawa kita harus mengurangkan perbelanjaan untuk sektor pertahanan tetapi sebaliknya membelanjakan lebih banyak wang untuk rancangan-rancangan sosio-ekonomi seperti memberikan lebih banyak peluang pekerjaan kepada mereka yang menganggur, rumah kepada mereka yang tidak memilikinya, tanah kepada mereka yang tidak ber-tanah dan peluang pelajaran kepada mereka

yang hendak mendapatkannya. Pada pandangan saya langkah tersebut bukan sahaja satu cara yang berkesan bagi mengatasi masalah keselamatan tetapi juga membantu mengukuhkan lagi ketahanan, nasional rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan seruan saya supaya perhatian baru diberikan kepada pembangunan sosio-ekonomi saya ingin menggesa Kerajaan supaya memperkenankan dan melaksanakan Kertas Dasar Ekonomi atau Economic Blueprint untuk pembangunan kira-kira 450 buah kampung baru di seluruh negara seperti meringankan masalah kemiskinan yang disebabkan oleh kekurangan tanah, ketiadaan "Security of Tenure", masalah geran tanah dan kekurangan pembaikan infrastruktur kampung baru itu. Tujuan blueprint ini ialah untuk menghidupkan kembali ekonomi kampung-kampung baru, meningkatkan penghasilan dan pendapatan mereka, penambahan peluang-peluang pekerjaan, pembahagian tanah kepada mereka yang tidak bertanah, peruntukan perkhidmatan sosial moden seperti rumah awam, elektrik, air dan perkhidmatan kesihatan, memperbaiki peluang-peluang pelajaran dan rekreasi dan pusat-pusat masyarakat.

Satu lagi aspek pembangunan sosio-ekonomi yang diperlukan segera ialah kemajuan perumahan. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa \$450 juta telah diperuntukkan sebagai pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan negeri bagi membiayai pembinaan rumah-rumah harga murah dan juga untuk mengurangkan masalah perumahan di Kuala Lumpur.

Dengan mengambil kira keperluan perumahan rakyat yang mendesak terutama rumah-rumah harga murah, jumlah peruntukan sebanyak \$450 juta itu, pada pendapat saya, adalah tidak mencukupi. Masalah perumahan yang mendesak ini terutama dalam Wilayah Persekutuan, di mana lebih daripada 25,000 pemohon yang layak untuk memohon rumah-rumah harga murah masih dalam senarai menanti—ini jelas memerlukan peruntukan yang lebih besar. Arahan Kerajaan kepada semua Kerajaan Negeri untuk menubuhkan yunit perumahan masing-masing adalah dialu-alukan tetapi adalah

menjadi harapan saya bahawa yunit-yunit perumahan ini akan ditumpukan dalam pembinaan rumah-rumah harga murah atau rumah-rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita telah menubuhkan Kementerian Perumahan dan di dalamnya terdapat Jabatan Perumahan untuk merancang dan melaksanakan keperluan perumahan, namun demikian, pada pendapat kami, kita masih belum dapat mengatasi masalah-masalah perumahan yang begitu meruncing di negara kita. Pada perhitungan saya bahawa tugas mengatasi keperluan perumahan yang mendesak, merancang dan melaksanakan pembangunan perumahan yang lebih cepat dan berkesan, pembentukan Jabatan Perumahan sahaja tidak akan menyelesaikan masalah yang dihadapi. Apa yang diperlukan ialah satu Lembaga Perumahan yang dilengkapi dengan peruntukan yang cukup, kepakaran teknik dan cara-cara yang berkesan bagi mempercepatkan kemajuan perumahan.

Pada masa yang lepas banyak telah disebutkan mengenai peranan dan sumbangan sektor swasta ke arah pembangunan perumahan harga murah. Sektor swasta telah diberitahu bahawa mereka seharusnya memperuntukkan 30 peratus daripada sekim perumahan mereka untuk perumahan harga murah. Tetapi adakah ini benar-benar dicapai? Jika tidak apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan selama ini bagi memastikan bahawa sektor swasta akan memainkan peranan mereka dalam membina rumah-rumah harga murah. Atau adakah pemaju-pemaju perumahan telah tidak digalakkan oleh terdapatnya "bureaucratic red-tape" dan kurangnya galakan untuk mengsubsidiakan Kerajaan dalam pembinaan rumah-rumah harga murah?

Walau apapun saya merasakan bahawa sebab musabab mesti dicari yang mana tidak dapat dinafikan lagi terdapat tanggungjawab moral dan sosial di pihak pemaju-pemaju perumahan supaya membuat sumbangan ke arah membantu mereka yang miskin di negara ini memiliki rumah-rumah harga murah, dan salah satu cara untuk mencapai tujuan ini ialah dengan mengadakan satu dialog dengan pemaju-pemaju perumahan untuk mendapat tahu apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka supaya

satu jalan yang positif dapat diatasi untuk membantu mereka mengatasi masalah-masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, air merupakan satu keperluan asas rakyat. Sejak tahun lepas rakyat di Selangor dan Wilayah Persekutuan terutama yang tinggal di Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan sekitar Lembah Kelang telah menghadapi kesukaran dengan berlakunya kekurangan air berikutan dengan catuan yang dibuat. Kita seolah-olah bergantung kepada alam semulajadi—tanpa air hujan catuan akan diteruskan selama-lamanya. Walaupun terdapat jaminan dari Kementerian Kemudahan dan Kerjaya bahawa dengan siapnya projek-projek air yang sekarang ini sedang dalam pembinaan, bekalan akan dapat menampung keperluan sehingga tahun 1983, itupun masih belum dapat dipastikan samada rakyat di Kuala Lumpur dan di Lembah Kelang akan tidak lagi mengalami masalah kekurangan air.

Sudah menjadi kenyataan bahawa langkah-langkah yang lepas untuk mengatasi kekurangan air telah terbukti tidak mampu menampung keperluan. Mengambil kira bahawa keperluan air di Kuala Lumpur-Petaling Jaya sedang meningkat dengan kadar 10 peratus setahun dan ~~dijangka~~ akan meningkat dua kali ganda dalam tempoh 10 tahun akan datang oleh itu adalah besar kemungkinan bahawa sumber-sumber air sekarang ini akan kehabisan sebelum 1983 melainkan langkah mengatasinya dijalankan dengan secepatnya.

Saya juga ingin mengesyorkan kepada Kerajaan di sini bahawa masanya telah sampai untuk mencari sumber-sumber air yang lain. Satu kajian kemungkinan hendaklah dijalankan dengan secepatnya bagi mencari sumber-sumber lain itu umpamanya memproses kembali air yang telah digunakan dan air di lombong-lombong bijih.

Tuan Yang di-Pertua, air adalah bahan yang penting kerana itu kita mesti memastikan bekalan air cukup terutama di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya yang merupakan pusat ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembangunan negara, pekerja-pekerja mempunyai satu peranan yang penting untuk membantu dalam pembangunan negara kita. Kerana itu, Kerajaan mesti mengambil langkah-langkah

yang perlu bagi memastikan bahawa pekerja-pekerja akan diberi tempat yang sewajarnya dalam masyarakat dengan membebaskan mereka dari semua bentuk penindasan.

Menyedari akan hal ini, saya ingin menyeru supaya dijalankan satu kajian semula ke atas Undang-undang Buruh yang sedia ada yang melibatkan kepentingan pekerja-pekerja dengan tujuan menghapuskan segala bentuk yang anti-buruh dalam undang-undang tersebut. Undang-undang SOCSO mestilah juga dikaji semula supaya ia benar-benar menguntungkan para pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan menyedari kadar pengangguran sebanyak 6.3 peratus, saya ingin menyeru Kerajaan supaya menjalankan tugas ke arah program yang lebih berkesan dalam mewujudkan pekerjaan sebagai mengurangkan masalah pengangguran di negara kita ini. Oleh itu, saya mencadangkan penubuhan satu penyatuan agensi di Kementerian-kementerian untuk mengatasi masalah tersebut. Agensi seumpama itu perlu untuk menyelaraskan usaha dan kapasiti semua Kementerian dalam program mewujudkan pekerjaan-pekerjaan baru untuk mengurangkan pengangguran di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan penurunan cukai eksais ke atas bas-bas dari 15 peratus kepada 5 peratus, pengurangan cukai jentera-jentera bas sebanyak 25 peratus dan penghapusan cukai tempat duduk untuk penumpang-penumpang.

Merujuk kepada perkara tersebut, saya menyeru Kerajaan supaya mengambil langkah bagi menentukan semua syarikat-syarikat bas hendaklah memberikan khidmat yang lebih berkesan kepada orang ramai berikutan dengan pengurangan cukai-cukai yang berkenaan. Saya berharap akan dapat melihat banyak lagi perkhidmatan-perkhidmatan bas yang memberikan khidmat yang lebih baik kepada orang ramai. Semua bas-bas yang telah lama atau uzur hendaklah jangan digunakan lagi terutama yang mengeluarkan asap banyak yang menyebabkan pencemaran udara dan yang sering rosak di jalan-jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pengangkutan kita di Kuala Lumpur adalah masih jauh dari memuaskan. Ini memang benar kerana sistem sekarang tidak sempurna, oleh sebab

ini semakin ramai yang menggunakan kenderaan sendiri dan ini menyebabkan kesesakan lalu lintas di Bandaraya kita ini.

Orang ramai di Kuala Lumpur memerlukan perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih baik. Berpandukan perkara ini Kerajaan seharusnya menjalankan tinjauan dari orang ramai untuk mendapat tahu pandangan bagaimana memperbaiki sistem pengangkutan awam.

Saya juga ingin mencadangkan di sini bahawa Kerajaan dengan bantuan dan penyertaan sektor swasta, menjalankan kajian kemungkinan memperkenalkan satu sistem mono-rail di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada pelaksanaan berbagai projek Kerajaan terutama yang berkaitan dengan Rancangan Malaysia Ketiga, saya suka mengambil perhatian Kerajaan kepada masalah pengaliran kakitangan awam atau "brain drain" dalam sektor awam (brain drain from the public sector).

Semakin ramai orang-orang professional meninggalkan pekerjaan mereka di sektor awam untuk bekerja di sektor swasta bagi mendapatkan prospek yang lebih baik dari segi gaji dan keadaan pekerjaan. Ini adalah kejadian yang tidak dapat dinafikan. Oleh itu saya menyeru Kerajaan supaya mengambil perhatian serius terhadap masalah ini yang mana nampaknya akan semakin bertambah pada masa akan datang jika sesuatu langkah tidak dilakukan untuk menyiasat dan mengatasi perkara ini.

Langkah-langkah perlu diambil dengan secepatnya untuk menghentikan kejadian apa yang dinamakan "brain drain" ini sebelum ia berleluasa dan mengganggu pelaksanaan jentera berbagai projek pembangunan kita.

Satu cara yang baik ialah dengan melihat kepada struktur tanggagaji dan keadaan para professional dalam perkhidmatan awam. Kerajaan juga harus mengkaji kehampaan mereka berkenaan dan mencari sebab-sebabnya serta mengambil langkah mengatasinya pula.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Sebagai satu langkah menggalakkan pengilang-pengilang sekarang melabur semula, Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam

Ucapan Belanjawan telah mengumumkan elaun pelaburan semula sebanyak 25 peratus daripada jumlah perbelanjaan yang digunakan ke atas loji, kejenteraan dan bangunan industri untuk pembebasan dalam masa tiga tahun akan datang.

Adalah merupakan pandangan sektor pengilangan bahawa 25 peratus elaun pelaburan semula tersebut adalah terlalu kecil untuk memberikan keuntungan kepada pengilang-pengilang yang ada sekarang. Jumlah tersebut harus dinaikkan kepada 50 peratus. Apa yang mendukacitakan ialah tentang pengumuman Menteri Kewangan yang meletakkan beberapa syarat kepada kesesuaian elaun pelaburan semula itu.

Umpamanya, beliau ada berkata dan saya ingin quote iaitu: "semua syarikat-syarikat yang sedang bergiat di dalam sektor perkilangan dan pemerosesan yang sekarang tidak menikmati apa-apa bentuk galakan di bawah Akta Galakan Pelaburan termasuk mereka yang sudahpun luput tempoh galakan mereka sekurang-kurangnya tiga tahun, adalah layak mendapat kemudahan elaun pelaburan semula ini".

Tuan Yang di-Pertua, dari kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, ini akan memberi kesan bahawa syarikat-syarikat pengilang yang tidak mendapat galakan di bawah Akta Galakan Pelaburan sahaja, atau yang telah tidak lagi mendapat galakan seumpama itu sejak awal tahun 1976 sahaja yang akan mendapat faedah dari elaun pelaburan semula itu.

Soalan yang saya ingin kemukakan ialah kenapa sebelah pihak Kerajaan telah menawarkan pelepasan dan pada satu pihak lagi mengenakan syarat-syarat dan sekatan-sekatan. Adakah ini satu cara yang sempurna untuk menggalakkan pengilang-pengilang sekarang melabur lagi.

Oleh itu saya ingin mencadangkan di sini bahawa sekiranya Kerajaan benar-benar hendakkan sektor perkilangan sebarang mendapat faedah dari cukai kredit pelaburan semula Kerajaan, maka Kerajaan harus menggandakan jumlahnya kepada 50 peratus dan pada waktu yang sama mengeneipkan semua syarat-syarat yang telah dikenakan berhubung dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara pelaburan di negara kita, izinkan saya merujuk kepada "One-stop Agency" yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan. Agensi tersebut masih jauh dari memuaskan dalam hubungan membantu pelabur-pelabur yang berkebolehan untuk melabur di Malaysia. Agensi tersebut sepatutnya merupakan tempat memberikan semua maklumat dan penjelasan yang diperlukan oleh para pelabur.

Bagaimana kelemahan besar agensi tersebut ialah tidak dilengkapi dengan kuasa membuat keputusan terhadap sesuatu perkara yang mustahak yang diperlukan oleh para pelabur. Ini membawa kepada kekeciwaan di kalangan para pelabur. Kerajaan sepatutnya bertindak melengkapkan agensi berkenaan dengan kuasa untuk membuat keputusan yang cepat dan tepat yang memberi faedah kepada para pelabur yang berkenaan.

Berhubung dengan pembaikan menyeluruh suasana pelaburan di negara ini dan mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ketiga, perlulah kepada Kerajaan mengkaji semula keseluruhan Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA) dalam hubungan meningkatkan lagi pelaburan di negara kita.

Apa yang sering diumumkan oleh Kerajaan yang kurang menyenangkan ialah bahawa Kerajaan akan melaksanakan ICA dengan cara "flexible". Perkataan "flexible" adalah perkataan yang kabur pada pandangan saya dan juga para pelabur berkenaan. Ia mestilah ada satu definisi yang tepat apakah makna "flexible" tersebut. Perkataan-perkataan samar dan kabur seperti itu tidak akan diterima oleh para pelabur asing. Oleh itu mestilah dihapuskan apa-apa keraguan terhadap hasrat Kerajaan berhubung dengan masalah yang berkenaan.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menarik perhatian Dewan ini kepada satu rencana yang dikeluarkan di dalam satu suratkhobar yang bernama "Asian Wall Street Journal" yang bertarikh 13hb Oktober, 1978. Laporan ini bertajuk: (*Dengan izin*) "US Banker urges ASEAN to improve Investment Policy".

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang sangat Yang Berhormat bacaan itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tidak panjang. Saya rasa ini ada kaitan dengan perkara yang dikatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Lee Lam Thye: Tajuk laporan ini menyatakan bahawa seorang banker dari Amerika Syarikat menggesa ASEAN untuk memperbaiki dasar pelaburan. Dan jurucakap yang berkenaan ialah seorang yang bernama Eric W. Hadden, Naib Presiden dan juga Ahli Ekonomi Kanan dari Bahagian Asia, Bank of America. Dalam Laporan ini ada kata: "Mr Hadden praised Thailand and Singapore for pursuing pragmatic investment policies, but he noted that foreign investors have reacted negatively to uncertainties clouding the investment picture in Indonesia, the Philippines and Malaysia."

Oleh hal yang demikian, saya rasa adalah mustahak bahawa Kementerian yang berkenaan diberitahu atas hal ini dan saya harapkan bahawa langkah-langkah yang positif akan dapat diambil untuk mencari satu jalan yang berkesan untuk mengatasi apa yang dilaporkan dalam suratkhobar "The Asia Wall Street Journal." Saya rasa itu adalah satu hujah berkaitan dengan apa yang saya tadi kata, bagaimana kita kena mencari langkah-langkah yang positif untuk memperbaiki iklim pelaburan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa agak keciwa kerana Menteri Kewangan tidak menyentuh langsung tentang penggalak khas ke atas syarikat-syarikat kecil atau perusahaan kecil yang dijalankan di negara kita ini.

Memandangkan kepada besarnya jumlah perusahaan secara kecilan sekarang di seluruh negara yang berjumlah kira-kira 7,500—Kerajaan seharusnya mengakui bahawa peranan mereka adalah penting dalam pencapaian ekonomi keseluruhannya. Dalam hubungan ini, Kerajaan seharusnya mengambil langkah yang positif ke arah meningkatkan lagi perkembangan sektor ini dengan memberi mereka galakan khas (special incentive). Sebuah perniagaan kecil yang dinamis sesungguhnya dapat membantu mewujudkan pekerjaan dan menambahkan lagi pendapatan di semua peringkat.

Berhubung dengan masalah pelaburan juga, samada swasta atau awam, saya suka menarik perhatian Kerajaan terutama Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan

Wilayah supaya mengatasi masalah "bottle-necks" yang wujud di Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah di seluruh negara yang menjadi punca utama penangguhan perlaksanaan projek-projek pembangunan awam atau swasta.

Ini telah timbul kerana permohonan-permohonan tanah untuk projek-projek pembangunan mesti dibuat melalui negeri-negeri yakni Pejabat Daerah dan Tanah negeri-negeri yang berkenaan.

Permohonan untuk mendapatkan tanah adalah satu proses yang lama di bawah sistem sekarang di mana permohonan dikehendaki melalui sekurang-kurangnya setengah dozen jabatan-jabatan, yang mengakibatkan kelambatan dan jangka yang tidak menasabah lamanya. Masanya sudah tiba bagi Kerajaan mengambil perhatian serius terhadap sistem permohonan untuk mendapatkan tanah bagi tapak perusahaan oleh Pejabat Tanah dan Daerah dan berbagai-bagai jabatan yang terlibat serta meneliti sekiranya ini menjadi sebab penangguhan pembangunan yang bertujuan memberi faedah kepada negeri-negeri berkenaan dan negara pada keseluruhannya.

Pada pandangan saya tidak dapat dinafikan lagi bahawa sistem yang ada sekarang untuk memproses permohonan tanah adalah serba kekurangan. Keseluruhan sistem hendaklah diubahsuai semula dengan semangat untuk mengatasi masalah demi kepentingan mempercepatkan lagi pembangunan dan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat kita telah menerima hakikat bahawa pelajaran adalah kunci kepada keperluan ilmu pengetahuan demi pembangunan nasional. Di Malaysia, mengadili dari angka-angka yang diberikan oleh Kerajaan terdapat keperluan peluang-peluang pelajaran tinggi yang mendesak.

Ini lahir kerana tahun ini, 1978, terdapat 30,265 permohonan untuk mendapat tempat di Universiti-universiti tempatan tetapi hanya 6,437 sahaja yang berjaya dan dengan ini mengeneipkan 23,828 permohonan lagi.

Memandangkan kepada kedudukan ini, terdapat keperluan menggandakan peluang-peluang untuk mendapatkan pelajaran tinggi di negara ini samada melalui peruntukan

yang lebih untuk pembesaran universiti-universiti yang ada sekarang atau membina universiti-universiti baru atau dengan penubuhan universiti swasta yang sesuai dengan aspirasi kebangsaan.

Dalam hubungan ini, saya suka menyeru Kerajaan mengambil satu sikap yang terbuka (enlightened approach) terhadap anjuran untuk menubuhkan universiti-universiti swasta yang hendak menyumbangkan peluang pelajaran dan mampu mengeluarkan tenaga manusia yang terlatih untuk memenuhi keperluan negara dalam zaman sains dan teknologi ini.

Kerajaan haruslah mempunyai fikiran yang terbuka dan seharusnya tidak membenarkan perhatian politik yang sempit menguasai keperluan negara demi menyelesaikan masalah keperluan pelajaran tinggi yang meruncing di negara ini.

Satu perkara akhir saya ingin sebut di sini iaitu mengenai perkara membeli Sijil Saham Bank Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menyahut seruan Kerajaan supaya orang-orang yang berpendapatan rendah membuat simpanan dalam Bank Rakyat, ramai mereka yang termasuk dalam golongan tersebut seperti petani, nelayan dan juga pegawai-pegawai Kerajaan telah membeli Sijil Saham Bank Rakyat dengan tujuan untuk menyimpan wang serta mendapat faedah dan juga mendapat pembayaran "dividend". Bagaimanapun, mereka yang telah membeli Sijil Saham semenjak tahun 1975 sehingga sekarang masih lagi belum menerima sebarang "dividend" ke atas saham-saham yang mereka telah beli. Sebagai contoh, seorang pemegang Sijil Saham yang telah membeli Sijil Saham pada tahun 1975 masih belum menerima satu sen pun bayaran "dividend" sehingga hari ini walaupun beliau telah membeli Sijil Saham bernilai \$4,000. Sedangkan jika wang tersebut disimpan dalam bank-bank lain secara "fixed deposit", faedah yang dibayar kepadanya sudah boleh diperolehi dan dibayar pada tiap-tiap tahun.

Setiap kali pihak Bank Rakyat dihubungi untuk mendapatkan kepastian berhubung dengan pembayaran "dividend", jawapannya adalah seperti berikut:

"Pembayaran "dividend" bagi tahun 1975, 1976 dan 1977 belum dapat ditentukan lagi. Ini adalah disebabkan Mesyuarat Agung Tahunan belum diadakan lagi. Perkara ini akan diberitahu kepada semua ahli-ahli sebaik sahaja ketetapan mengennainya dibuat kelak."

Tuan Yang di-Pertua, soalnya ialah sehingga bila pemegang Sijil Saham terpaksa menunggu untuk mendapatkan "dividend" jika setiap kali Bank Rakyat dihubungi, jawapan yang diberi pada tahun 1975 sama sahaja dengan jawapan pada tahun 1976, 1977 dan 1978. Bilakah Mesyuarat Agung Tahunan akan diadakan sedangkan anggota-anggota pengurusan baru telahpun dilantik?

Mereka yang membeli Sijil Saham Bank Rakyat adalah rugi besar kerana pembayaran "dividend" tidak dijalankan sedangkan jika wang yang digunakan untuk membeli Sijil Saham itu disimpan secara "fixed deposit" di bank-bank yang lain faedahnya boleh diperolehi. Kecuaian ini akan menyebabkan ramai orang hilang kepercayaan dan tidak menaruh minat untuk membuat sebarang pengurusan dengan Bank Rakyat dan ini akan menyebabkan Bank Rakyat kehilangan pelanggan-pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian pihak yang berkuasa berkenaan mengenai perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi, dan adalah jadi harapan saya bahawa semua ini akan dipandang berat supaya tindakan sewajar akan diambil untuk mengatasinya.

5.54 ptg.

Puan Chow Poh Kheng (Ulu Langat): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini untuk menyokong Belanjawan 1979 yang begitu lengkap dan melegakan. Oleh itu saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah merancang Belanjawan 1979 ini. Dalam membentangkan Belanjawan ini sungguhpun pelepasan cukai sendiri dan isterinya tidak dinaikkan, tetapi pelepasan cukai anak-anak lebih tinggi dibandingkan dengan pelepasan yang dikenakan pada tahun-tahun yang lalu, dan pelepasan cukai bagi anak yang pertama hinggalah anak yang kelima kadarnya tidak sama. Di sini secara teori menggambarkan bahawa kita bersikap membeza-bezakan anak dalam pemberian layanan, kanak-kanak

hendaklah dilayan dengan adil dan sama rata. Adakah adil anak yang pertama diberi layanan yang lebih baik daripada yang lain kerana ia mendapat pelepasan cukai yang lebih. Kita faham bahawa seseorang pembayar cukai akan menyarai anak-anaknya dengan seberapa banyak dan upaya tanpa pilih kasih.

Saya juga ingin memperingatkan Kerajaan walaupun undang-undang membenarkan cukai pendapatan para suami-isteri yang bekerja diasingkan adalah salah satu langkah yang rasional dan ekonomik. Tetapi Kerajaan seharusnya melanjutkan satu langkah lagi iaitu memberi pertimbangan terhadap semua kaum wanita samada yang makan gaji, bekerja sendiri atau joint-venture dengan suaminya supaya mereka semua dibenarkan membayar cukai pendapatan berasingan dengan suaminya.

Di sini inginlah saya menerangkan sebab-sebabnya dengan memberi satu contoh. Saya meminta maaf kerana menggunakan sedikit bahasa Inggeris. Menerangkan contoh yang berikut:

Tuan Yang di-Pertua: Dari mana ambil ulasan itu?

Puan Chow Poh Kheng: Sedikit sahaja bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah.

Puan Chow Poh Kheng: Tidak payah?

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Puan Chow Poh Kheng: Joint assessment—itu sahaja dua perkataan. Kalau suami dan isteri boleh dapat pendapatan \$80,000 income taxnya ialah \$29,300, development tax 5% iaitu \$4,000, excess profit tax 5% menjadi \$2,500. Jumlah \$35,800. Dan kalau separate assessment, kalau suami sendiri dapat pendapatan \$50,000 income tax yang dikenakan ialah \$14,300, development tax 5% iaitu \$2,500. Jumlah \$16,800. Kalau isterinya dapat pendapatan \$30,000 income taxnya ialah \$6,550, development tax 5% menjadi \$1,500. Jumlah \$8,050. Perbezaannya ialah \$10,950. Jadi cukai pendapatan mereka yang disatukan dengan yang diasingkan berbeza sebanyak \$10,950. Perbezaan ini sungguh

besar, oleh itu saya berpendapat bahawa Kerajaan patutlah menyemak semula sistem penyatuan cukai suami isteri dipindahkan kepada cukai berasingan bukan sahaja ter-takluk kepada isteri yang makan gaji bahkan kepada semua isteri yang bekerja sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Menteri Kewangan yang tidak lupa memen-tingkan keadaan golongan yang berpen-dapatan rendah semasa membuat rancangan Belanjawan 1979. Adalah benar bahawa buah-buahan eksport akan turun harganya di negara kita mengikut pengurangan cukai duti impot. Pengurangan cukai ke atas alat ke-mudahan pertanian dan peruntukan yang lebih dalam pembangunan kampung baru di-harapkan semoga golongan berpendapatan rendah memperoleh faedah daripadanya.

Mengikut perangkaan 1977 hingga 1978 hampir setengah penduduk Malaysia yang berjumlah 12 juta orang termasuk dalam golongan miskin. Keluarga-keluarga yang miskin ini terdiri daripada 65% bumiputra, 26% bangsa China, 39% bangsa India dan 45% lain-lain bangsa. Pendapatan mereka ini boleh dikatakan dalam lingkungan miskin (poverty level), golongan ini serba keku-rangan dan memerlukan wang untuk men-dapat taraf hidup yang agak selesa. Di samping itu Kerajaan masih belum mengkaji lagi berapakah pendapatan yang minima yang patut dibayar kepada pekerja untuk mencapai mutu hidup ke peringkat above poverty level.

Kita juga sedar bahawa Kerajaan kita belum lagi mengadakan perbelanjaan cara hidup atau layanan kebajikan kepada penyara hidup yang terputus pendapatan atau kehilangan mata pencarian disebabkan oleh sesuatu di luar kuasanya, manakala Menteri Kewangan menyeru orang ramai supaya menyimpan wang dan supaya melaburkan wang kepada projek-projek menanam modal di negara kita. Tujuan Yang Berhormat Menteri membuat seruan itu supaya masa hadapan anak-anak cerah.

Saya percaya bahawa sebilangan besar penduduk negara kita ini tidak mempunyai cukup wang untuk menyara hidup keluarga mereka sehari-hari inikan pula hendak me-nyimpan wang dan jauh sekali daripada membeli TV warna walaupun harganya di-turunkan. Apa yang seharusnya dilakukan

ialah Kerajaan hendaklah berusaha mewu-judkan kekayaan dan kekayaan ini diberikan untuk keluarga-keluarga miskin atau Kera-jaan menggalakkan mereka untuk mencari kekayaan sendiri. Oleh itu Kerajaan kita hendaklah mengadakan tanah untuk ke-luarga-keluarga miskin. Mereka diberi ban-tuan modal untuk mengusahakan tanah itu. Kemudahan-kemudahan pertanian juga perlu diadakan di samping memberi tunjuk ajar cara pertanian moden untuk meningkat-kan hasil pengeluaran. Hasil pengeluaran mereka mestilah mendapat pasaran yang se-timpal. Saya merayu kepada Menteri Ke-wangan dan Kerajaan-kerajaan Negeri di Malaysia agar dapat meningkatkan pem-bangunan negara dengan mengadakan tanah untuk pertanian secara besar-besaran dan di-usahakan oleh orang-orang kita di kampung-kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1979 memberi peruntukan sebanyak \$154 juta lebih bagi projek perumahan dan Kerajaan Tempatan di Semenanjung Malaysia. Se-banyak \$5 juta lebih sahaja diluluskan untuk pembangunan rumah di kampung-kampung baru. Penduduk-penduduk di kampung ini seramai satu juta orang. Tempat-tempat ke-diaman yang agak lega sedikit patutlah di-sediakan. Peruntukan sebanyak \$5 juta itu sudah tentu jauh sekali daripada cukup. Kita patutlah membina banyak rumah-rumah murah di kawasan luar bandar untuk ke-luarga-keluarga yang berpendapatan rendah. Ini adalah satu cara untuk mengatasi masalah-masalah setingan. Kita bukan sahaja mengadakan rumah untuk golongan miskin bahkan hendaklah menggalakkan mereka membeli tanah dan rumah sendiri.

Masalah yang paling penting tetapi selalu dihadapi oleh Kerajaan ialah masalah se-tinggan. Untuk mengatasi masalah ini Kera-jaan hendaklah membuat satu rancangan, iaitu mendirikan rumah murah bagi seting-gan-setingan atau mengadakan kawasan pe-nempatan yang luas. Hanya dengan ran-gangan ini barangkali masalah-masalah se-tinggan dapat diatasi untuk once and for all.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap apa yang saya cadangkan dalam Dewan ini akan di-pertimbangkan oleh Menteri berkenaan untuk memenuhi kehendak rakyat.

6.04 ptg.

Tuan A. K. Aliuddin bin Pengiran Haji Mohd. Tahir (Kimanis): Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat Malaysia, penduduk-penduduk Negeri Sabah juga turut sama merasakan kemanisan Belanjawan tahun 1979 sebagaimana yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Belanjawan tahun depan itu juga merupakan suatu anugerah yang maha agung dari Kerajaan Barisan Nasional kepada rakyat jelata. Pengurangan cukai ke atas beberapa barangan tertentu yang menjadi keperluan rakyat miskin, terutama sekali ke atas peti-peti TV dan lain-lain alat radio adalah suatu tindakan yang harus disanjung tinggi dan kami di Negeri Sabah, amatlah berasa lega memandangkan sebahagian besar dari rakyat negeri itu terutama sekali yang tinggal di kawasan pedalaman belum pernah menikmati rancangan-rancangan TV, walaupun siaran TV telah dilancarkan sejak sekian lama di negeri itu. Ini adalah disebabkan dua faktor penting—pertama oleh kerana harga peti-peti TV terlalu mahal dan kedua disebabkan bekalan letrik belum menyeluruh ke kawasan-kawasan luar bandar negeri itu. Bagaimanapun, pengurangan cukai ke atas bahan-bahan itu, adalah suatu langkah yang amat bijak, semoga dengan pengurangan cukai itu akan membolehkan rakyat terutama yang terdiri dari golongan berpendapatan rendah dapat berkemampuan memiliki peti-peti TV dan alat-alat radio.

Tuan Yang di-Pertua, bagi rakyat Negeri Sabah, seperti yang saya katakan tadi, di mana sebahagian besar dari mereka tinggal di kawasan yang jauh terpencil dan terhindar dari mendapat bekalan tenaga letrik, pengurangan cukai itu tidaklah begitu manis dirasakan. Oleh yang demikian, Kerajaan Pusat haruslah menimbangkan agar menyumbangkan peruntukan yang lebih kepada Kerajaan Negeri bagi membolehkan Lembaga Letrik Sabah mengadakan lebih banyak bekalan letrik di kawasan luar bandar negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Sabah di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Datuk Harris bin Mohd. Salleh, sedang berusaha dengan gigih dan berani serta penuh keazaman bagi membawa

negeri itu serta rakyatnya ke arah kemajuan, kemakmuran dan kebahagiaan. Berbagai-bagai rancangan terutamanya yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup dan pendapatan rakyat luar bandar telah, sedang dan akan dilaksanakan. Sebagai contoh ialah pelaksanaan projek-projek ekonomi rakyat yang diasas dan diilhamkan sendiri oleh Ketua Menteri itu menerusi Koperasi Pembangunan Desa yang bertujuan untuk menampung pendapatan penduduk-penduduk luar bandar yang sejak turun-temurun bersandarkan hidup kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Beribu-ribu ekar kawasan tanah yang terbiar kosong telah diusahakan begitu rupa sehingga mendatangkan hasil yang lumayan. Projek ini, sungguhpun baharu sahaja dilancarkan dalam jangka waktu tidak sampai dua tahun, namun ianya telah menampakkan kemajuan yang amat membanggakan terutama sekali dalam usaha Kerajaan Negeri untuk menampung pengeluaran hasil pertanian bagi keperluan tempatan. Kaum nelayan, petani dan pekebun-pekebun kecil, juga menikmati rancangan-rancangan jangka pendek dan panjang hasil dari keazaman Kerajaan Negeri. Begitu juga dengan penyertaan kaum Bumiputra dalam lapangan perniagaan dan perusahaan, selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan Negeri telah menubuhkan sebuah yunit penyertaan Bumiputra, semata-mata untuk menggalakkan Bumiputra bergiat di bidang perniagaan dan perusahaan, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan berjuta-juta ringgit ke atas projek ini di samping melonggarkan syarat-syarat tertentu bagi membolehkan pencapaian Dasar Ekonomi Baru itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha pembangunan yang begitu pesat sedang berlaku di negeri itu sekarang, tidak hairanlah jika terdapat golongan-golongan tertentu yang menggelar diri mereka sebagai politikus-politikus—yang kononnya pejuang tulin rakyat—cuba mengeksploitasi issue-issue jahat dan kotor semata-mata untuk mencabar ketokohan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah. Berbagai cara dan taktik telah digunakan oleh golongan tersebut bagi mencapai hasrat dan cita-cita mereka. Salah satu taktik yang mereka gunakan untuk mencemarkan nama baik dan integrity Ketua Menteri itu ialah dengan mendesak pihak

BSN supaya mengambil tindakan ke atas beliau, walaupun mereka tahu bahawa memanglah menjadi dasar BSN tidak mengecualikan sesiapa pun untuk dijalankan siasatan. Tetapi bukanlah menjadi hak mutlak kepada pemimpin-pemimpin DAP, untuk menjatuhkan hukuman agar Ketua Menteri Sabah itu meletakkan jawatannya seperti yang disarankan oleh Wakil dari Menglembu di Dewan yang mulia ini. Wakil dari Menglembu tidak perlu menunjuk ajar kepada Ketua Menteri Sabah, bagaimana hendak menjaga nama baik beliau berikutan dengan dakwaan yang dibuat terhadap dirinya, kerana Ketua Menteri itu telahpun menyerahkan kes tersebut kepada peguam-peguamnya untuk tindakan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang jelas ialah pemimpin-pemimpin DAP, terutama sekali Wakil dari Petaling dan Menglembu, sengaja hendak mengeksploitasi issue tersebut dengan harapan hendak menutup dosa-dosa dan kesilapan-kesilapan mereka sendiri. Sikap seperti ini samalah juga bak kata perumpamaan. Kuman di seberang lautan nampak, gajah di depan mata tidak nampak. Sukalah saya mengingatkan mereka supaya janganlah hendak jaga tepi kain orang, sedangkan tepi kain sendiri hitam legam.

Walau apa sekalipun tindak-tanduk yang diperlihatkan oleh Wakil dari Menglembu, namun ianya adalah diilhamkan oleh Setiausaha Agung DAP yang juga Wakil dari Petaling, yang berasa frust, berpunca dari tindakan Kerajaan Negeri Sabah enggan membenarkan beliau memasuki negeri itu. Disebabkan sikap "frasterasi" inilah maka pemimpin-pemimpin DAP, dengan apa cara sekalipun bertindak liar hendak menjatuhkan dan menghitam legamkan nama baik Ketua Menteri kami, iaitu dengan harapan rakyat menaruh simpati ke atas perjuangan mereka.

Kerajaan Negeri Sabah mungkin mempunyai alasan-alasan kuat yang menyebabkan ianya enggan membenarkan pemimpin-pemimpin DAP memasuki negeri itu. Keselamatan dan kesejahteraan rakyat haruslah diutamakan dari segala-galanya. Kerajaan Negeri Sabah patutlah diberi pujian di dalam hal ini kerana telah menyediakan payung sebelum hujan. Wakil dari Petaling sepatutnya berterima kasih kepada Ketua Menteri dan juga Kerajaan Negeri Sabah, setidak-tidaknya telah

membolehkan beliau melawat ke negeri itu pada awal tahun lepas, setelah tidak diizinkan sama sekali memasuki Sabah oleh bekas Kerajaan Tun Mustapha. Akan tetapi malangnya, Setiausaha Agung DAP itu telah menggunakan peluang melawat ke negeri itu sebagai "passport" untuk menimbulkan rasa gusar dan tidak puashati terutamanya di kawasan-kawasan yang ramai didiami oleh masyarakat Tionghua. Taktik-taktik yang digunakan adalah ala-kominis, iaitu dengan menanamkan rasa kebencian antara satu dengan yang lain serta mengutuk segala usaha murni pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan

Tuan Yang di-Pertua: Sabar, sabar. Duduk sekejap!

Tuan P. Patto: Minta penjelasan sedikit. Adakah Yang Berhormat itu mensifatkan bahawa Ahli dari Petaling adalah seorang kominis dan taktik-taktik yang digunakan itu taktik kominis.

Tuan A. K. Aliuddin bin Pengiran Haji Mohd. Tahir: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menuduh bahawa Wakil dari Petaling seorang kominis, tetapi taktik-taktik yang digunakan adalah ala-kominis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Tuan A. K. Aliuddin bin Pengiran Haji Mohd. Tahir: Jika keadaan demikian tidak dicegah dengan cepat, nescayalah perasaan rakyat akan membara dan akibatnya tentulah dapat diduga oleh setiap orang.

Tuan Yang di-Pertua, semasa berada di Sabah, dengan segala kebebasan yang diberikan kepadanya oleh pihak Kerajaan Negeri pada ketika itu, Setiausaha Agung DAP itu bukan sahaja telah menyalah-gunakan kesempatan yang diberikan kepadanya dengan mengapi-apikan perasaan rakyat tetapi juga telah menimbulkan rasa curiga mencurigai antara satu kaum dengan kaum yang lain. Ini adalah berdasarkan kepada suatu realiti di mana pada suatu ketika, beliau telah menjelajah menemui pemandu-pemandu teksis dan penjaja-penjaja dengan menanamkan rasa kebencian terhadap pemimpin-pemimpin Kerajaan. Beliau telah menjarumkan perasaan rakyat miskin dengan fahaman-fahaman "mengapa mereka menderita

sedangkan Wakil-wakil Rakyat mereka kaya raya". Taktik-taktik yang digunakan ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah menyerupai taktik-taktik yang digunakan oleh komunis.

Di samping itu, Setiausaha Agung DAP itu juga telah membuat tuduhan-tuduhan yang tidak berasas terhadap pemimpin-pemimpin serta Kerajaan Negeri Sabah. Beliau telah menuduh bahawa perbuatan rasuah bermaharajalela di Negeri itu tetapi apabila Kerajaan Negeri mencabar beliau supaya membuktikan tuduhan-tuduhan tersebut, Setiausaha Agung DAP itu tidak dapat menunaikan tuduhan-tuduhan di depan para wartawan di negeri itu. Beliau sebaliknya telah meminta maaf kepada Kerajaan Negeri di atas segala tindak-tanduknya yang membuta tuli dan tidak berasas. Di sini nyatalah bahawa pemimpin DAP itu tidak mempunyai pendirian dan segala tuduhan yang dilemparkannya adalah semata-mata merupakan "serkap jarang" sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Negeri Sabah adalah merupakan sebuah negeri yang penduduknya terdiri lebih dari 20 suku kaum yang antaranya ialah Kadazan, Murut, Dusun, Bisaya, Bajau, Iban, Brunei, Kewijau, Kedayaan, Orang Sungai, Illanun, Rungus dan lain-lain lagi. Memandangkan begitu ramai suku kaum yang terdapat di negeri itu, Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, tentulah dapat membuat tafsiran apakah yang akan terjadi jika terdapat anasir-anasir akan tidak bertanggungjawab menimbulkan emosi perkauman. Adalah mudah untuk menyalakan api perkauman dengan mengungkit-ungkit soal remeh-temeh yang menjadi masalah kepada sesuatu kaum atau golongan, apatah lagi jika sesebuah negeri itu mempunyai bilangan suku kaum yang ramai seperti yang terdapat di Negeri Sabah.

Kami rakyat Malaysia di Sabah tidak sanggup menghadapi melapetaka yang tentunya akan meragut nyawa orang-orang yang tidak berdosa. Kerana itulah kami sangat-sangat menghargai tindakan Kerajaan Negeri menyekat kedatangan politikus-politikus yang cuba hendak mengeruhkan suasana politik yang sudah mulai reda di negeri itu.

Kedatangan apa yang disifatkan sebagai politikus-politikus pembela rakyat ke negeri itu tidak akan mendapat restu dari rakyat

yang telah menyedari akan tindakan-tindakan liar mereka. Rakyat Sabah, Tuan Yang di-Pertua, adalah menolak sekeras-kerasnya kedatangan politikus-politikus yang mereka anggap sebagai sang-sang tikus yang pakar dalam memperbaiki labu.

Tuan Yang di-Pertua, adalah pernah diperkatakan bahawa seseorang itu tidak akan beroleh kemajuan tanpa pelajaran serta keazaman. Seseorang itu tidak akan dapat bekerja keras tanpa badan yang sihat. Di Negeri Sabah, terdapat banyak aduan mengenai kemudahan perubatan dan kesihatan yang begitu mendukacitakan terutama sekali di kawasan luar bandar dan malangnya tidak ada sesuatu usaha pun yang telah dibuat untuk memperbaiki perkhidmatan tersebut. Negeri Sabah, sebenarnya masih kekurangan doktor-doktor dan juga jururawat-jururawat yang terlatih. Hospital-hospital kekurangan tempat tidur malah di setengah-tengah daerah langsung tidak mempunyai hospital untuk menampung keperluan rakyat. Dan yang paling malang, bekalan-bekalan perubatan tidak begitu mencukupi untuk menampung sebarang keadaan kecemasan jika berlaku di Sabah.

Rakan-rakan saya dari Sabah, telah berulang kali menyuarakan perkara ini di Dewan yang mulia ini, merayu agar Kementerian Kesihatan memperbaiki perkhidmatan perubatan di negeri itu tetapi rayuan-rayuan tersebut tidak mendapat sebarang perhatian. Keadaan kesihatan penduduk di perkampungan yang berhampiran dengan sempadan adalah sangat buruk. Banyak nyawa yang telah terkorban akibat serangan penyakit taun. Penyakit malaria kembali menyerang Sabah dan beberapa kes penyakit itu menunjukkan keadaannya semakin bertambah dan menjadi-jadi. Pada suatu ketika dahulu, penyakit itu telah dapat dikawal setelah mengadakan perancangan, kerja keras dan juga persefahaman dari semua pihak. Tetapi usaha itu sekarang nampaknya sudah menjadi sia-sia belaka kerana sekali lagi penyakit tersebut merebak ke seluruh negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan asyik merayu rakyat supaya mengambil bahagian yang cergas di dalam program pembangunan dan juga membuka lebih banyak tanah yang terbiar kosong tanpa dipedulikan. Rakyat telah diseru dan diseru supaya menambah

hasil pengeluaran tetapi bagaimanakah mereka boleh bekerja keras untuk mencapai hasrat yang dicita-citakan apabila mereka diserang malaria dan lain-lain penyakit.

Kanak-kanak di kawasan luarbandar didapati tidak begitu cergas dan keputusan pemeriksaan mereka adalah mengecewakan. Ini adalah disebabkan keadaan kesihatan kanak-kanak itu sangat mendukacitakan. Bagaimanakah mereka hendak menumpukan sepenuh perhatian ke atas mata pelajaran jika kesihatan mereka terganggu? Kesihatan yang baik adalah mustahak jika kanak-kanak di kawasan luarbandar perlu dididik sebagai warganegara yang sihat dan bertenaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah bersua dengan peristiwa di mana seorang itu telah melahirkan anaknya di dalam sebuah perahu di tengah lautan semasa sedang dalam pelayaran menuju ke sebuah hospital dari sebuah pulau. Saya juga mengetahui beberapa kes di mana jika berlaku kemalangan ke atas seseorang penduduk, ia terpaksa dibawa melalui jalanraya sejauh 70 hingga 80 batu untuk sampai ke hospital bagi mendapatkan rawatan. Setengah-setengah kes, misalnya mangsa-mangsa yang berkenaan terpaksa menemui maut sebelum doktor sempat memberikan rawatan.

Bagaimanapun, Sabah beruntung kerana mempunyai Perkhidmatan Doktor Udara untuk memberikan khidmat kepada penduduk-penduduk di kawasan-kawasan yang jauh terpencil. Tetapi adalah mustahil perkhidmatan seperti itu dapat menampung semua perkampungan di negeri Sabah. Di setengah-setengah kawasan seperti di Kudat, Pensiangan dan Kinabatangan, keperluan mengadakan pusat-pusat kesihatan dengan kakitangan serta bekalan perubatan yang lengkap untuk memberi khidmat kepada rakyat, adalah sangat mustahak. Bilangan penduduk yang terdapat di kawasan-kawasan tersebut mengharuskan pusat-pusat kesihatan itu diadakan dengan seberapa segera. Akan tetapi malangnya, apabila permohonan untuk mendapatkan pusat-pusat kesihatan serupa itu, jawapan yang lazimnya diterima ialah Jabatan Kesihatan mengalami kekurangan kakitangan. Untuk mengatasi masalah ini, langkah-langkah hendaklah segera diambil untuk merekrut kakitangan-kakitangan tempatan. Doktor-doktor tempatan enggan untuk berkhidmat disebabkan syarat-syarat per-

khidmatan yang tidak memuaskan dan pembayaran gaji yang agak rendah. Kerajaan hendaklah merekrut ramai doktor-doktor dari negara-negara sahabat di Asia yang sanggup membantu kita di dalam masalah ini.

Adalah juga diketahui bahawa pelan-pelan bangunan hospital mengambil masa bertahun-tahun sebelum ianya dapat diperolehi dan disebabkan ini pembinaan hospital-hospital daerah telah terbengkalai. Contoh yang paling nyata ialah pembinaan hospital-hospital di Kudat, Kota Belud dan Beaufort, seperti yang telah difahamkan, hampir mengambil masa setengah abad, hanya untuk melaksanakan kerja-kerja perancangan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan jujur saya menaruh penuh harapan agar Kementerian Kesihatan akan menjalankan penyiasatan yang serius mengenai keadaan yang sedang berlaku di Negeri Sabah. Kerajaan telah memperuntukkan jumlah kewangan yang besar untuk pelajaran dan peruntukan yang besar juga harus diberikan untuk kesihatan kerana ianya adalah penting di dalam konteks membangun negara.

Tuan Yang di-Pertua, semasa berucap di Dewan yang mulia ini, saya pernah menekankan betapa mustahaknya proses integrasi rakyat di antara Malaysia Timur dengan Semenanjung dipercepatkan supaya perasaan "sebuah keluarga" dalam satu negara akan dapat diwujudkan dalam jangkamasa yang singkat. Dan dalam hal ini, saya telah menegaskan betapa Syarikat Penerbangan Kebangsaan kita—MAS—memainkan peranan sebagai alat penghubung yang maha penting. Saya bersama dengan rakan-rakan yang lain di Dewan ini, telah berkali-kali menyuarakan agar MAS menurunkan harga tambang di antara kedua-dua tempat tersebut bagi membolehkan lebih ramai rakyat kunjung-mengunjungi antara satu dengan lain. Adalah sangat memilukan dan menyedihkan terutama kepada rakyat yang kurang berkemampuan yang berhasrat untuk melancang di dalam negara mereka sendiri, bila mendapati bahawa harga tambang dari Ibu Negara ke Jakarta dan ke Negeri Thai, misalnya, lebih murah jika dibandingkan dengan penerbangan biasa ke Kota Kinabalu. Memandangkan bahawa MAS mendapat keuntungan berlipat-ganda, adalah wajar bagi

Syarikat Penerbangan itu menimbang semula untuk menurunkan harga tambang bagi penerbangan biasa antara Sabah dengan Kuala Lumpur. Kami mengakui bahawa terdapat penerbangan pelancungan antara Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur dan sebaliknya tetapi seperti yang pernah saya katakan bahawa untuk mendapatkan tempat duduk dalam satu-satu penerbangan, seseorang penumpang terpaksa menunggu berhari-hari lamanya. Oleh kerana penerbangan pelancungan sebelah malam ini sangat popular di kalangan rakyat, adalah disyorkan supaya MAS dapat menambah lagi jadual penerbangannya kepada tiap-tiap malam. Dalam hal ini MAS tentu tidak akan mengalami apa-apa kerugian, malah akan menambah lagi jumlah keuntungannya setiap bulan kepada hampir \$1 juta iaitu keuntungan yang dikaut hasil dari perkhidmatannya di Malaysia Timur. Selaras dengan keputusan mengurangkan cukai ke atas beberapa barangan tertentu, adalah sangat wajar sekiranya pihak MAS mengambil langkah yang sama dengan mengurangkan juga harga tambang bagi penerbangan dalam negeri mulai tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, baru-baru ini untuk menyusun semula Majlis Amanah Rakyat atau MARA, adalah sangat dialu-alukan. Adalah juga diharapkan supaya penyusunan itu tidak hanya ditumpukan di peringkat pusat tetapi hendaklah juga meliputi cawangannya di tiap-tiap negeri, khususnya di Sabah. Aduan-aduan telah banyak diterima mengenai sikap acuh tak acuh pihak MARA Negeri dalam memproses permohonan yang dikemukakan oleh peniaga-peniaga kecil yang memerlukan pinjaman wang dalam jumlah yang amat kecil.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, MARA tidak harus hanya mementingkan permohonan untuk mendapatkan pinjaman yang berjumlah beratus-ratus ribu dan berjuta-juta ringgit, akan tetapi permohonan yang jumlahnya jauh lebih kecil harus diutamakan. Rakyat mestilah diberi kesempatan untuk menikmati rancangan-rancangan Kerajaan yang bermaksud untuk meningkatkan taraf hidup dan pendapatan mereka.

6.24 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Rang

Undang-undang Perbekalan 1979 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan Malaysia pada 23hb Oktober 1978 yang lalu di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, rakyat seluruhnya mengucapkan terima kasih kerana Belanjawan 1979 ini tidak ada satu pun cukai yang dikenakan atau ditambah, bahkan ada yang dikurangkan mengikut keperluan yang tertentu sahaja. Rakyat juga mengucapkan tahniah di atas bijaksana Menteri khasnya dan Kerajaan kita amnya bagi membanyakkan lagi pendapatan negara serta menambahkan lagi Perbelanjaan Mengurus sebanyak 8.1% dari tahun 1978, dan perbelanjaan Pembangunan bertambah 4.7% lebih dari tahun 1978.

Rakyat sedia faham akan kesungguhan Kerajaan untuk melibatkan diri dengan setegas-tegasnya dalam usaha pembangunan ekonomi negara sebagaimana ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tempoh hari bagi melaksanakan cita-cita Kerajaan mengujudkan Malaysia gembira yang bersatu, bangga dan gagah.

Dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong agar membenamkan perbezaan fahaman politik setelah selesainya pilihanraya umum yang baharu lalu. Baginda mengharapkan agar rakyat menitikberatkan serta menumpukan perpaduan.

Belanjawan yang begitu banyak dicurahkan kepada kepentingan kebaikan negara tidak bermakna kalau perpaduan tidak tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya pihak parti Pembangkang khasnya DAP walau apa juga kita rancang atau kita laksanakan i'tu semuanya tak betul, tak kena dan tak sesuai mereka, tetapi maklumlah mereka itu kerjanya membangkang semata-mata

Terutama dari segi hendak menyatupadukan kaum jauh sekali. Tuan Yang di-Pertua, bahkan mereka menimbulkan serta mengapi-apikan satu kaum terutama pengundi-pengundi di kalangan orang-orang Cina.

Dengan mengelirukan fikiran rakyat terhadap fakta sejarah atau isi kandungan Perlembagaan negara seolah-olah Kerajaan tidak adil. Kalau muhibbah dan perpaduan tidak dapat dicapai sebagaimana harapan Kerajaan, maka parti DAPlah bertanggungjawab.

Ucapan mereka mengapi-apikan antara kaum seperti membangkitkan untuk meminda Akta Universiti, mengadakan Universiti Merdeka Sendirian Berhad, kemudian mengapi-apikan antara orang-orang Melayu dengan orang-orang Cina. Mereka pergi ke kampung Melayu mengatakan api letrik tak ada, paip air tak ada, tengok kampung Cina semua ada. Pergi pula ke kampung Cina mereka mengatakan orang Melayu mendapat lesen yang lebih dan sebagainya. Kemudian yang akhir-akhir ini 4 orang wakil Rakyat Negeri tidak mengangkat sumpah taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak. Inilah kerja orang-orang DAP sebagai parti Pembangkang yang tidak adil saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan selain dari memberi keutamaan yang lebih belanjawan negara bagi membasmi kemiskinan, mengurangkan pengangguran serta menyusun semula masyarakat kita dalam rangka Dasar Ekonomi Baru bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga dan seterusnya.

Maka belanjawan ini akan memberi keutamaan yang tinggi bagi kepentingan keselamatan negara kerana kalau keselamatan terjamin maka negara akan maju.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengujudkan satu pakatan Negara-negara ASEAN mengamalkan sikap bebas, aman dan berkecuali, iaitu dengan mengiratkan hubungan antara negara di rantau Asia. Dalam rangka lawatan Perdana Menteri Vietnam ke Malaysia baru-baru ini beliau mengaku ada melatih gerila-gerila subversif kominis untuk menialankan peranan di Thailand dan Malaysia.

Pada hari ini Perdana Menteri Vietnam telah berikrar serta memberi jaminan bahawa mereka tidak akan membantu kegiatan subversif terhadap kedua negara iaitu Siam dan Malaysia.

Jadi apa yang ada di sempadan dan di dalam negara masing-masing baik Malaysia dan Thailand itu adalah musuh negara masing - dan tidak ada kaitan langsung dengan Vietnam. Oleh itu bagi memelihara hati dan perasaan jiran kita Vietnam sistem politiknya yang kominis itu. Saya mencadangkan di Dewan yang mulia ini agar jangan kita sebut lagi perkataan Komunis seperti pengganas kominis, anasir kominis, tetapi hendaklah diubah kepada nama lain yang sesuai seperti pengganas sahaja, musuh negara, dan sebagainya. Seperti juga di Filipina dikatakan Huks, di Vietnam dikatakan Vietcong, di Kenya dikatakan Mau-mau dan lain-lain negara lagi supaya kita menarik perhatian mereka bahawa kita tidak mengeji-ngeji kominis yang bersahabat dengan kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut keadaan negara kita yang sedang membangun ini dengan pesatnya, tetapi masalah sosial juga akan timbul dengan pesat pula. Tetapi seharusnya pihak Kerajaan kalau dapat mengawal semua gejala yang akan menjejaskan dan membawa keruntuhan kebudayaan kita yang bersendikan keugamaan - seperti upacara sambutan para pemimpin tetamu Agong ASEAN beberapa lama dahulu, gadis-gadis kita dengan tidak memakai baju (berkemban), seolah-olah kita berada di Bali layaknya. Begitu juga semasa tarian pertunjukkan kepada tetamu agong kita Perdana Menteri Vietnam di Dewan Bankuasi di Bangunan Parlimen ini juga pakaian seperti itu ditunjukkan seolah-oleh tarian itu tarian di Bali. Boleh jadi di mana-mana juga kebudayaan yang ditunjukkan hampir sama, yang ditegaskan oleh agama. Tuan Yang di-Pertua, begitu juga gambar yang setengah lucu yang menjolok mata dan menjadikan peradaban ketimuran serta ketinggian kerohanian yang

dikehendaki oleh ugama Islam juga ter-
jejas, yang mana saya kkuatirkan di sana
sini kita boleh terdapat gambar-gambar se-
pasang manusia berlainan jenis berbogel dan
berdakapan di tepi pantai, atau di dalam
semak di waktu rambang petang antara gelap
dan terang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Ber-
hormat boleh menyambung esok.

Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30
petang hari esok, 2hb November, 1978.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30
petang.*